

قَتِيْن تِيْتَه

## PETIKAN TITAH

“DALAM bidang kewangan, semua kementerian dalam kerajaan perlulah terus mengamalkan langkah berjimat cermat di dalam perbelanjaan, iaitu bagi menghadapi keperluan masa depan. Dalam pada itu juga, kita mestilah mensepadkannya dengan pendapatan negara serta mengikut peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan.”  
- Titah Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-44 pada 15 Julai 1990.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مَانِيْسْ اِيْمَان

## MANISNYA IMAN

“DARI Abu Na’amah, bahawasanya Abdullah bin Mughafal mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya akan ada dari golongan umat ini kaum yang berlebih-lebihan dalam bersuci dan berlebih-lebihan dalam berdoa.”  
- (Riwayat Imam Abu Daud).

TAHUN 60 / BILANGAN 37

28 MAC 2015 / 1436 جمادى الآخر 7

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Thailand rakan penting wujudkan sekuriti makanan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mengurniakan titah pada Majlis Santap Malam Rasmi meraikan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor (Lihat muka 3, 4, 5, 16 dan 17).

Oleh : Aimi Sani, Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Negara Brunei Darussalam dan Thailand telah menikmati persahabatan yang erat selama lebih 30 tahun sejak kemerdekaan Brunei Darussalam pada tahun 1984.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, warganegara Thailand telah memainkan peranan penting dalam

pembangunan Negara Brunei Darussalam sejak sekian lama sehingga sekarang dan mereka terus menyumbang secara aktif kepada kemajuan negara.

Semasa mengurniakan titah pada Majlis Santap Malam Rasmi di Istana Nurul Iman bagi meraikan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, program pertukaran di antara pegawai-pegawai, sektor swasta dan rakyat kedua-dua buah negara juga mencerminkan kepercayaan dan keyakinan yang dikongsi di semua peringkat.

“Kerjasama kita meliputi perdagangan dan pelaburan serta pendidikan, di mana pertukaran antara universiti-universiti dan sekolah-sekolah kedua-dua negara memupuk persefahaman yang lebih mendalam tentang sejarah dan budaya masing-masing,” titah baginda.

Thailand, titah Kebawah DYMM, juga merupakan rakan penting dalam usaha wujudkan sekuriti makanan Brunei.

Selama beberapa dekad, titah baginda, Negara Brunei Darussalam telah mengimport beras dari Thailand dan kini, hampir 90 peratus daripada keperluan beras Negara Brunei Darussalam adalah dari Thailand.

Ke muka 24

# Bahasa Melayu berkembang seiring kepesatan globalisasi

Oleh : Haniza Abdul Latif

**TUNGKU LINK**, Rabu, 25 Mac. - Sebagai bahasa yang mempunyai sejarah perkembangannya, bahasa Melayu Nusantara akan terus berkembang seiring dengan kepesatan globalisasi dan kecanggihan teknologi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka

Haji Othman berkata, dengan meningkatkan penggunaannya itu diharap akan memangkin kemajuan berbahasa seperti melalui pembentukan pelbagai variasi bahasa, pengayaan inventori leksikon, perancangan bahasa yang lebih strategik, dan tidak kurangnya ialah pengintegrasian dengan teknologi terutama dalam bidang penyelidikan.

Demikian jelas Yang Berhormat pada Dialog Bahasa Melayu Nusantara yang

berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

“Pada hemat saya, dalam perkara bahasa Melayu kita sudah sebenarnya melimpasi era retorik kebahasaan dan kita sedang berada dalam fasa pengukuhan dan pelastariannya.

Misalnya kedudukan persaingan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa asing telah dilihat dan diterima sebagai wajar dalam era globalisasi sekarang ini,” ujar Yang Berhormat.

Ke muka 6



Muka 7

PELAKSANAAN projek penting Kementerian Perhubungan

Bismillahir Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah mengizinkan kita berkumpul pada pagi ini bagi Sambutan Hari Kajiucua Sedunia Tahun 2015.

**Tema Hari Kajiucua Sedunia 2015**

Pada tahun ini tema sambutan yang telah dipilih oleh Pertubuhan Kajiucua Sedunia (WMO) ialah 'Pengetahuan Iklim untuk Tindakan Iklim' atau 'Climate Knowledge for Climate Action'. Tema ini bersesuaian bagi keadaan masa kini, bilamana perubahan iklim atau *climate change* sudah menjadi satu isu yang diakui sebagai kebimbangan global.

**Kaitan Tema dengan JKBD**

Dalam perutusan Setiausaha Agung WMO, sempena Hari Kajiucua Sedunia 2015 ini, beliau menyentuh bahawa kemajuan dalam sains meteorologi dan klimatologi, dalam tempoh 50 tahun ini, telah menyumbang pada peningkatan ketepatan dan keberkesanan ramalan cuaca dan juga ramalan iklim bermusim. Ini adalah hasil dari kemajuan dalam bidang *remote sensing* seperti :

- Pengawasan radar dan satelit cuaca;
- Peningkatan kuasa komputer dan peningkatan kefahaman; dan
- Pengetahuan cuaca dan iklim.

Perkara ini amat ketara dilihat dari segi kemampuan untuk menyediakan maklumat-maklumat cuaca yang cepat dan sahih. Contohnya di sepanjang tahun 2014 sahaja, sejumlah 117 amaran awal cuaca awam atau pun *early warnings* telah pun dapat dikeluarkan dalam tempoh satu ke enam jam sebelum kejadian berlaku di kawasan-kawasan negara kita.

Keberkesanan penyebaran *early warnings* ini juga telah dipertingkatkan dengan menggunakan kaedah teknologi *mobile*. Kebanyakan di antara kita yang telah memuat turun aplikasi seperti Brunei Weather Apps dan juga Mobile Weather Crowd sudah merasakan peningkatan khidmat yang diberikan.

Peningkatan perkhidmatan seperti ini telah dapat memudah cara pelbagai pihak dalam memegang tanggungjawab dan menjalankan aktiviti masing-masing.

Antara contoh adalah seperti:

- Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dalam bersiap siaga menangani bencana yang berkaitan dengan cuaca; dan
- Jabatan Perkhidmatan Air dalam membuat perancangan dan pengurusan air semasa musim kemarau.

Sambil itu peningkatan perkhidmatan ini juga dapat memudah cara orang ramai membuat keputusan yang bijak bagi sebarang aktiviti yang dirancang sama ada untuk bersukan, beriadah ataupun melakukan kerja-kerja rumah. Dari perspektif Kementerian Perhubungan kemajuan ini adalah satu lagi langkah positif ke arah visi untuk mewujudkan sebuah masyarakat pintar di negara kita.

Pada masa yang sama, saya sukacita mengalu-alukan pelaksanaan beberapa projek penting yang dijalankan oleh Jabatan Kajiucua, Kementerian Perhubungan. Antara beberapa projek yang diutamakan adalah, Pertama keperluan bagi memenuhi piawaian antarabangsa dititikberatkan. Saya difahamkan bahawa Jabatan Kajiucua Brunei

Pengetahuan mengenai iklim dan cuaca:

## Menyumbang kepada kesejahteraan sejagat



**MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015 pada 2 Jamadilakhir 1436 Hijrah bersamaan 23 Mac 2015 Masih, di Tingkat Bawah, Times Square, Kampung Setia Jaya, Berakas.**

Darussalam (JKBD) akan memperolehi pensijilan Quality Management System ISO 9001:2008 dalam sedikit masa lagi.

Kedua, JKBD juga telah menyediakan sistem bagi mengesan fenomena perubahan angin dan udara yang mengejut yang berisiko kepada pesawat dan bertolak dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui projek Low Level Windshear Alert System (LLWAS). LLWAS adalah satu projek dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Sistem ini telah mula beroperasi pada bulan Januari tahun ini. Kedua-dua usaha ini akan membolehkan Negara Brunei Darussalam memenuhi kehendak antarabangsa khususnya di bidang penyediaan khidmat cuaca penerbangan yang ditetapkan oleh WMO dan juga Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Ketiga, negara kita juga tidak kendur-kendur berusaha untuk membangun kapasiti dalam bidang iklim. Saya maklum, selaku autoriti kebangsaan dalam ehwal yang berkaitan dengan cuaca dan iklim, JKBD juga sedang mengukuhkan program pemasangan model berangka atau *climate modelling* bagi negara kita.

Melalui program ini juga beberapa pegawai telah pun menjalani kursus di United Kingdom dan juga berpeluang membuat lawatan kerja ke agensi kaji cuaca luar negara seperti di Singapura dan Filipina untuk meninjau pelaksanaan *climate modelling* masing-masing. Sambil itu juga saya menyarankan

supaya usaha peningkatan kapasiti ini akan sentiasa diteruskan untuk menambah lagi dan memastikan kesinambungan dan kedayatahan kepakaran tempatan bagi Jabatan Kajiucua.

Pada hakikatnya apa yang ditekankan melalui tema Hari Kajiucua Sedunia tahun ini adalah melalui pengetahuan iklim dan cuaca, kita akan dapat membuat tindakan-tindakan yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan manusia dan juga keselamatan harta benda pada hari ini dan shinggalah ke penghujung Abad Ke-21.

**Pencapaian JKBD**

Pada hari yang bermakna ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada JKBD bagi mewakili Kementerian Perhubungan kerana telah memenangi Anugerah Gangsa dalam Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam Tahun 2014 yang lalu dan juga memenangi Anugerah Gangsa Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang Peringkat Kebangsaan Kali Ke-17 Tahun 2014. Syabas sekali lagi.

Saya dimaklumkan bahawa pada majlis ini, JKBD akan memperkenalkan Jenama Korporat yang baru. Adalah menjadi hasrat saya penjenamaan korporat ini akan dapat menonjolkan satu *brand* Jabatan yang mudah dikenali dan dipercayai oleh para penggunanya. Saya juga berharap nilai-nilai korporat antara lainnya seperti berikut akan dapat dihayati oleh semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kajiucua :

- Semangat (Passion);
- Komitmen (Commitment);
- Keprihatinan (Care);
- Iltizam;
- Inovatif (Innovation); dan
- Kebolehepercayaan (Trust)

Untuk mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada JKBD atas acara yang diadakan dan pelaksanaan Penjenamaan Korporat (Corporate Branding) yang akan dilancarkan ini. Saya percaya pihak Jabatan Kajiucua akan dapat meneruskan lagi inisiatif-inisiatif baru yang membangun dan menyumbang ke arah visi kementerian dan negara.

Dengan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' dan bertawakal kepada Allah serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015 dengan tema 'Climate Knowledge for Climate Action' ataupun 'Pengetahuan Iklim untuk Tindakan Iklim' dan merasmikan 'Penjenamaan Korporat JKBD'.

Wabillahit Taufeq Walhidayah,  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala  
Wabarakatuh.

Dari Sidang  
Pengarang.

28 MAC 2015 BERSAMAAN 1436 جمادى الآخِر 7

**HINDARI PEMBAKARAN  
UNTUK GENERASI KITA**

**N**EGARA Brunei Darussalam kini mengalami musim kemarau. Keadaan alam sekitar di negara ini semakin membimbangkan apabila beberapa kawasan di Daerah Belait, Daerah Brunei dan Muara mahupun daerah-daerah lain ini dilanda masalah kebakaran hutan, tanah gambut dan sebagainya.

Usaha daripada pihak-pihak berkenaan dalam mengurangkan dan seterusnya membanteras kebakaran daripada terus merebak telah giat dilaksanakan. Namun disebabkan oleh beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan, maka beberapa usaha dalam mengawal dan seterusnya memadamkan kebakaran di kawasan hutan dan tanah gambut mengalami masalah.

Walaupun begitu, bantuan-bantuan dan usaha-usaha yang telah diberikan kepada pihak Pasukan Bomba dan Penyelamat daripada pihak kerajaan lain seperti Jabatan Kerja Raya, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan, sektor kerajaan serta sektor swasta yang berkaitan amatlah dihargai.

Tidak kira masa, mereka berganding bahu, membanting tenaga bersama-sama dalam membantu segala usaha dan tindakan yang diatitkan oleh pihak Pusat Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) dalam usaha untuk mengurangkan kebakaran seterusnya kadar jerebu daripada terus merebak dan menjadi buruk. Di samping itu, usaha-usaha yang diberikan oleh pihak persendirian juga amat dihargai dalam sama-sama membantu dan memberikan bantuan serta sokongan secara langsung mahupun tidak.

Dalam pada itu, pihak media massa juga telah berusaha untuk membarigakan kepada orang ramai di negara ini khususnya untuk mengelakkan aktiviti pembakaran secara terbuka kini memandangkan cuaca kemarau dan kering yang boleh mengakibatkan kebakaran berlaku jika tidak dipantau.

Selain itu, pihak-pihak yang ingin mengusahakan aktiviti pertanian juga diingatkan agar tidak membiarkan kawasan yang dibakar bagi membersihkan kawasan pertanian mereka kelak tersebut tanpa pengawasan. Jika boleh awasi dan adalah dinasihatkan agar tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka buat masa ini.

Pembakaran terbuka juga boleh menjejaskan keadaan kesihatan dalam kalangan orang-orang tua, kanak-kanak dan juga penghidap asma khususnya. Dari itu, hindari aktiviti pembakaran secara terbuka bukan sahaja memastikan nasihat dipatuhi, namun sama-sama memastikan bahawa kesihatan sesama kita di negara ini terjamin.

Di samping itu, kita juga memastikan agar keutuhan hutan kita yang hijau dapat diselamatkan bukan bagi kita kini sahaja, bahkan bagi generasi kita yang akan datang, di mana mereka dapat merasa nikmat kesegaran udara yang segar hasil daripada hutan yang masih hijau dan terpelihara untuk mereka nikmati.

Secara tidak langsung juga kita membantu mengurangkan menyumbang kepada pemanasan global yang salah satunya berpunca daripada aktiviti pembakaran secara terbuka yang kerap dilakukan. Apa yang kita buat kini adalah sebagai salah satu usaha untuk memberikan bekalan yang bernilai lagi berharga kepada generasi kita yang akan datang.

Pembakaran secara terbuka cuba dihindari, dalam sama-sama mengurangkan udara yang sudah tercemari, bukan sekadar salah dan silap alam sekitar dan keadaan cuaca yang semula jadi, bahkan juga oleh manusia khilaf yang tidak bertanggungjawab melalui jari-jemari.

Hindari aktiviti pembakaran dalam cuaca kemarau yang melanda masa ini, kerana akibat yang diterima bukan bagi tempoh yang singkat lagi, namun semua akan menerima akibat berterusan nanti, tidak diketahui hingga bila agaknya boleh memulihkan keadaan hutan kita seakan asal semula jadi, tujuan membantu keadaan global yang memburuk kini, juga untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan generasi kitani.

Perlu diingat apa yang dipelihara dan cari kini bukan hanya untuk setakat ini, tetapi juga ingat akan kesan serta akibat yang bakal diberi, kepada generasi pewaris kita yang kelak berdiri, dalam meneruskan usaha, mandat dan jasa yang telah diwarisi. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**



### SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

#### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed

#### Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

#### Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani,  
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

#### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahanisah Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

#### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

#### Penyuntingan

Samle Haji Jait,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

#### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

#### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Igrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

**AMBULANS**  
991

**POLIS**  
993

**BOMBA**  
995

**PENYELAMAT**  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

**NDMC**  
2380214

# Brunei - Thailand kukuhkan kerjasama dua hala

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohiddin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha.

Berangkat sama pada Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Turut hadir pada Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut ialah Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, selaku Menteri Pengiring; Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.

Semasa majlis itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Teramat Perdana Menteri Thailand telah berbincang mengenai

isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand serta bertukar-tukar pandangan tentang hal ehwal serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Selepas Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan bersama TYT Perdana Menteri Thailand, Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand mengenai Kerjasama Pertanian.

Mewakili bagi pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis penandatanganan tersebut ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, manakala bagi pihak Kerajaan Thailand ditandatangani oleh Menteri Pertanian dan Koperasi, TYT Petipong Pungbun Na Ayudhya.

Turut berkenan menyaksikan majlis penandatanganan tersebut ialah DYTMM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan DYTMM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Majlis Perjumpaan Dua Hala dan penandatanganan tersebut berlangsung di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman.

TYT Perdana Menteri Thailand dan isteri berada di negara ini bagi Lawatan Rasmi selama dua hari.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Thailand. Juga berangkat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.



MEWAKILI pihak Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada penandatanganan MoU ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, manakala bagi pihak Kerajaan Thailand ditandatangani oleh Menteri Pertanian dan Koperasi, Tuan Yang Terutama Petipong Pungbun Na Ayudhya (atas), sementara gambar kiri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya dan TYT Petipong Pungbun Na Ayudhya semasa bertukar-tukar dokumen perjanjian.

# Berkenan menerima mengadap PM Thailand dan isteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha.

Oleh : Nooratini Haji Abas, Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohiddin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha, yang dalam rangka Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam selama dua hari.

Majlis Mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri tersebut berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong

Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.

Rombongan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand diiringi oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, TYT Dato Paduka Seri Jeneral (B) Tanasak Patimapragorn dan isteri, Datin Penlaksana Patimapragorn; Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, TYT Petipong Pungbun Na Ayudhya; Timbalan Menteri Pengangkutan Thailand, TYT Arkhom Termpittayapaisith yang juga Setiausaha Agung Lembaga Pembangunan Ekonomi Nasional dan Sosial Thailand dan Duta Besar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan mengalu-alukan ketibaan TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Perdana Menteri Thailand, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha.

Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, TYT

Chirdchu Raktabur serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan Thailand.

Selepas Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala dengan Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha.

Negara Brunei Darussalam dan Thailand menjalinkan hubungan diplomatik yang erat sejak sekian lama. Kedua-dua buah negara terus bekerjasama dalam menggalakkan persefahaman termasuk dalam sosial dan budaya.



BERANGKAT sama ke Majlis Mengadap ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik(atas).

TURUT berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam (kanan dan kanan sekali).



# Lawatan Rasmi kukuhkan hubungan Brunei - Thailand



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika mengalu-alukan ketibaan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Masri Osman, Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha berserta rombongan selamat tiba di negara ini bagi memulakan Lawatan Rasmi selama dua hari.

Berangkat mengalu-alukan ketibaan Tuan Yang Terutama dan isteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Sejurus ketibaan, TYT dijemput naik ke pentas khas untuk menerima tabik hormat daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM, selaku Wakil Peribadi Kebawah DYMM dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat naik ke pentas khas bersama Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha untuk menerima tabik hormat.

(ABDB) dengan diiringi oleh lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan seterusnya memeriksa barisan kehormatan.

TYT dan isteri kemudiannya diperkenalkan kepada Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Pemangku Pesuruhjaya Polis

Diraja Brunei, ketua-ketua perwakilan asing di Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha-Setiausaha Tetap JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berserta isteri masing-masing.

Juga hadir ialah Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, selaku Menteri Pengiring dan Datin.

Rombongan TYT yang disertai oleh 34 orang ahli itu terdiri daripada Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar, TYT Dato Paduka Seri Jeneral (B) Tanasak Patimapragorn; Menteri Pertanian dan Koperasi, TYT Petipong Pungbun Na Ayudhya; Timbalan Menteri Pengangkutan juga selaku Setiausaha Agung di Lembaga Ekonomi Negara dan Pembangunan Sosial, TYT Arkhom Tempittayapisith; Setiausaha Agung dan Timbalan Setiausaha Agung di JPM; Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan Thailand.

Negara Brunei Darussalam dan Thailand secara rasmi menjalin hubungan diplomatik pada 1 Januari 1984 sebaik sahaja Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan penuh.

Selain sebagai anggota ASEAN, kedua-dua buah negara juga mempunyai hubungan pelbagai hala dengan negara-negara sahabat dalam pelbagai forum baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam dan Thailand menjalin hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang merangkumi kerjasama pendidikan, kesihatan, maklumat dan penyiaran serta pelabuhan. Perjanjian Penandatanganan (MoU) pertama dimeterai dalam tahun 1987, iaitu dalam bidang Perkhidmatan Udara.



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan kepada rombongan Perdana Menteri Thailand yang dalam rangka lawatan rasmi selama dua hari (kiri), sementara gambar kanan, TYT sejurus ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) diperkenalkan kepada Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Pemangku Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, ketua-ketua perwakilan asing di Negara Brunei Darussalam dan Setiausaha-Setiausaha Tetap JPM dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berserta isteri masing-masing.



PERDANA Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha memeriksa barisan kehormatan sejurus ketibaan di LTAB.

# Utamakan makanan sihat, mahirkan bahasa Inggeris

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) mengadakan Program Kesedaran Makanan Sihat dan Kempen Kerap Berbahasa Inggeris (Healthy Food Awareness Program and Speak More English Campaign).

Berangkat menghadiri aktiviti tersebut ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dan cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Pengiran Anak Adriana Haziqah Jaida



ANTARA persembahan yang menyerikan Program Kesedaran Makanan Sihat yang dipersembahkan oleh Taman Asuhan Kanak-Kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB).

Bulqiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Ali Yil Kabier.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Penolong Pengarah Urusan 3 YSHHB, Dayang Hajah Donnaliza binti Abdullah Puasa.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan doa selamat, diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kempen berkenaan disikan dengan persembahan-persembahan dari kanak-kanak Taman Asuhan 1 iaitu 'We Love Healthy Food' dan 'The Very Hungry Caterpillar', sementara kanak-kanak Asuhan 2 mempersembahkan 'Eat Healthy, Everybody Happy'.

Antara tujuan program berkenaan adalah untuk mempromosi dan menggalakkan memakan makanan sihat dalam kalangan kanak-kanak khususnya di TASKA YSHHB, selain sebagai sebahagian daripada kurikulum.

Di samping itu, program tersebut juga merupakan salah satu daripada aktiviti yang dimuatkan dalam Kempen Kerap Berbahasa Inggeris ke arah penggunaannya secara lebih teratur dalam kalangan kanak-kanak pada usia muda.



BERANGKAT menyertai aktiviti tersebut ialah cucunda Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raqeeqah Raayatul Bolqiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.



JUGA menyertai aktiviti tersebut, cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Pengiran Anak Adriana Haziqah Jaida Bulqiah binti Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul Ali Yil Kabier.

## Bincang status dan perkembangan wanita



ISTERI Perdana Menteri Thailand, Prof. Madya Naraporn Chan-o-cha bersama Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman pada pertemuan bersama pemimpin-pemimpin wanita di negara ini.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG**, Rabu, 25 Mac. - Isteri Perdana Menteri Thailand, Prof. Madya Naraporn Chan-o-cha, yang dalam rangka Lawatan Rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam menyertai suaminya, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha, mempunyai atur cara yang berasingan dengan menghadiri sesi dialog bersama pemimpin-pemimpin wanita Brunei Darussalam yang berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Ketibaan Prof. Madya Naraporn Chan-o-cha dialu-alukan oleh Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

Rombongan tersebut disertai oleh isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thailand, Puan Penlaksana Patimpragorn.

Sesi dialog bersama pemimpin-pemimpin wanita yang dihadiri oleh sektor kerajaan, swasta dan NGO antara lain membincangkan status wanita serta perkembangan dan kemajuan yang dicapai di negara ini.

Turut hadir ialah isteri kepada Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengiring, Datin Hajah Noryasimah binti Abdullah.



ISTERI Perdana Menteri Thailand, Prof. Madya Naraporn Chan-o-cha bersama Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina pada pertemuan bersama pemimpin-pemimpin wanita di negara ini berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

## Bahasa Melayu berkembang seiring kepesatan globalisasi



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap pada Dialog Bahasa Melayu Nusantara yang berlangsung di Bilik Senat, Dewan Canselor, UBD. - Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dari muka 1

Generasi baharu sekarang dan generasi-generasi baharu di masa hadapan yang berdibahasa, tambah Yang Berhormat, sudah pun mewujudkan fenomena bahasa Melayu yang dinamik yang antaranya membawakan ciri-ciri pengayaan bahasa Melayu itu.

Yang Berhormat percaya, bahasa Melayu akan tetap dinamis dengan syarat generasi dwibahasa hendaklah kukuh dan utuh dengan kemelayuannya iaitu generasi yang dibentuk berpahatkan pendidikan yang tidak mengabaikan bahkan tetap mengukuhkan ciri-ciri kesedaran, mengaprisiasi sejarah bangsa, menghayati budaya bangsa dalam dinamika modenisasi.

"Saya untuk kesekian kali

menyatakan tidak sahaja harapan bahkan keyakinan bahawa apabila pendidikan sedemikian itu berkesan dalam pembangunan bangsa Nusantara yang moden akhirnya bahasa Nusantara akan kaya dengan ilmu mahir dalam penguasaan teknologi," jelasnya.

Nusantara berbahasa Melayu sekarang, ujarnya, terus diperkaya dengan ilmu-ilmu moden, di samping ilmu-ilmu agama yang terhasil dari terjemahan anak bangsa yang berilmu dwibahasa sama ada bahasa Melayu Nusantara ke bahasa Inggeris, ataupun bahasa Melayu Nusantara ke bahasa Arab.

Pada dialog tersebut tiga ahli panel dari dalam dan luar negara telah membentangkan kertas kerja masing-masing yang didahului dengan ucapnama Penasihat Kerajaan dalam Hal Ehwal Sosiobudaya merangkap Penaung Pusat Majlis Bahasa Melayu IPT Nusantara, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, diikuti dengan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo dan Pengarah Pusat Pengajian Berterusan, UBD, Dr. Yabit Alas.

Dialog dipengerusikan oleh Pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik, UBD, Pengiran Dr. Haji Mohamed bin Pengiran Damit.

Kira-kira 200 peserta terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam serta para pelajar institusi pendidikan dan penggiat bahasa tempatan dan luar negara telah menghadiri dialog tersebut yang

membawa tema 'Integrasi Teknologi dan Bahasa'.

Selaku medium yang diharapkan dapat memartabatkan lagi bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi ilmiah dan bahasa ilmu tinggi, dialog ini juga bertindak selaku wadah bagi pengukuhan jalinan kerjasama dalam perkongsian ilmu dan kepakaran dalam bidang penyelidikan bahasa Melayu, penerbitan ilmiah serta program pertukaran pelajar dan staf UBD dan UMT.

Pengendalian lebih banyak usaha penyelidikan juga dilihat selaras dengan strategi pendidikan negara bagi mencapai Wawasan 2035 iaitu untuk mempromosikan penyelidikan, perkembangan dan inovasi dalam kalangan institusi kerajaan dan selainnya termasuk menerusi usahasama berskala serantau dan global.

Pada masa yang sama, inisiatif ini juga diharap dapat terus menyemarakkan aktiviti pengembangan bahasa Melayu dalam kalangan para pencinta bahasa dan masyarakat Nusantara, di samping menjalinkan rantaian antarabangsa untuk menjadikan bahasa Melayu terus bergerak secara dinamik dan kekal relevan sebagai salah satu bahasa ilmiah bangsa.

Dialog dianjurkan oleh Program Bahasa, Sastera dan Kesenian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UBD dengan kerjasama UMT.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Dr. Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi yang juga selaku Naib Canselor UBD.

# Pelaksanaan projek penting Kementerian Perhubungan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap dalam Majlis Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015.

yang mana Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam akan memperolehi pensijilan Quality Management System ISO 9001:2008 dalam sedikit masa lagi.

Menteri Perhubungan berucap pada Majlis Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015 bertempat di ruang legar, Times Square, di sini.

Yang kedua tambah Yang Berhormat, Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam juga telah menyediakan sistem bagi mengesan fenomena perubahan angin dan udara yang mengejut, yang berisiko kepada pesawat dan bertolak serta mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui projek Low Level Windshear Alert System (LLWAS), yang merupakan salah satu projek dalam Rancangan Kemajuan Negara.

Sistem ini jelasnya, telah mula beroperasi pada bulan Januari tahun ini dan kedua-dua usaha tersebut akan membolehkan Negara Brunei Darussalam memenuhi kehendak antarabangsa khususnya dalam bidang penyediaan khidmat cuaca

penerbangan yang ditetapkan oleh WMO dan juga Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Manakala yang ketiga terang Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam juga tidak kendur-kendur berusaha untuk membangunkan kapasiti dalam bidang iklim.

"Saya maklum, selaku autoriti kebangsaan dalam ehwal yang berkaitan dengan cuaca dan iklim, Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam juga sedang mengukuhkan program pemasangan model berangka atau *climate modelling* bagi negara kita," jelas Yang Berhormat.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat juga menyarankan agar usaha peningkatan kapasiti tersebut akan sentiasa diteruskan untuk menambah lagi dan memastikan kesinambungan serta kedayatahan kepakaran tempatan bagi Jabatan Kajiucua.

"Pada hakikatnya apa yang ditekankan melalui tema Hari Kajiucua Sedunia tahun ini adalah

melalui pengetahuan iklim dan cuaca, kita akan dapat membuat tindakan-tindakan yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan manusia dan juga keselamatan harta benda pada hari ini dan sehinggalah penghujung Abad Ke-21," tambahnya.

Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam akan memperkenalkan Jenama Korporat yang baru dan dalam hubungan itu, Yang Berhormat berhasrat agar Penjenamaan Korporat tersebut akan dapat menonjolkan satu *brand* jabatan yang mudah dikenali dan dipercayai oleh para penggunaannya.

Menteri Perhubungan juga berharap nilai-nilai korporat antara lainnya seperti semangat (*passion*), komitmen, keprihatinan, iltizam, inovatif dan kebolehppercayaan akan dapat dihayati oleh semua pegawai dan kakitangan Jabatan Kajiucua.

Terdahulu dalam ucapannya, Menteri Perhubungan menerangkan bahawa sepanjang tahun 2014, sejumlah 117 amaran awal cuaca awam ataupun *early warnings* telah dapat dikeluarkan dalam tempoh satu ke enam jam sebelum kejadian berlaku di kawasan-kawasan negara ini.

Keberkesanan penyebaran *early*

*warnings* ini jelasnya, dipertingkatkan dengan menggunakan kaedah teknologi *mobile*. Kebanyakan antara kita yang telah memuat turun aplikasi seperti 'Brunei Weather Apps' dan juga 'Mobile Weather Crowd' sudah merasakan peningkatan khidmat yang diberikan.

Menurutnya, peningkatan perkhidmatan seperti ini telah dapat memudah cara pelbagai pihak dalam memegang tanggungjawab dan menjalankan aktiviti masing-masing contohnya, seperti Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dalam bersiap siaga menangani bencana yang berkaitan dengan cuaca dan Jabatan Perkhidmatan Air dalam membuat perancangan dan pengurusan air semasa musim kemarau.

Sambil itu tambahnya, peningkatan perkhidmatan ini juga dapat memudah cara orang ramai membuat keputusan yang bijak bagi sebarang aktiviti yang dirancang sama ada untuk bersukan, beriadah ataupun melakukan kerja-kerja rumah.

"Dari perspektif Kementerian Perhubungan, kemajuan ini adalah satu lagi langkah positif ke arah visi untuk mengujudkan sebuah masyarakat pintar di negara ini," ujar Yang Berhormat lagi.

**BERAKAS**, Isnin, 23 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berkata, Jabatan Kajiucua, Kementerian Perhubungan sedang melaksanakan beberapa projek penting ketika ini.

Antara projek yang diutamakan tersebut jelas Yang Berhormat, adalah pertama, keperluan bagi memenuhi piawaian antarabangsa dititikberatkan,



YANG Berhormat Menteri Perhubungan menyaksikan pameran pada Majlis Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015.

## Perubahan iklim beri kesan sektor sosioekonomi

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BERAKAS**, Isnin, 23 Mac. - 'Pengetahuan Iklim untuk Tindakan Iklim' dipilih sebagai tema Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015 memandangkan masyarakat antarabangsa menuju ke arah keputusan dan tindakan yang bercita-cita tinggi untuk menangani perubahan iklim.

Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Kajiucua Kementerian Perhubungan, selaku Ahli Pertubuhan Kajiucua Sedunia (WMO) menyambut Hari Kajiucua Sedunia hari ini bersama komuniti kaji cuaca yang lain di seluruh dunia.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015 disempurnakan oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar yang berlangsung di ruang legar, Times Square.

Bersempena sambutan tersebut,



UCAPAN alu-aluan dalam Majlis Pelancaran Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015 oleh Pamangku Pengarah Kajiucua, Awang Muhamad Husaini bin Aji.



YANG Berhormat Menteri Perhubungan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Kajiucua Sedunia 2015.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan juga melancarkan Corporate Branding (Penjenamaan Korporat) Jabatan Kajiucua Negara Brunei Darussalam.

Pemangku Pengarah Kajiucua, Awang Muhamad Husaini bin Aji, Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam dalam ucapannya berkata, usaha Penjenamaan Korporat itu adalah satu inisiatif Jabatan Kajiucua dan Kementerian Perhubungan untuk meningkatkan keterampilan, keyakinan dan kepercayaan para pengguna atas khidmat cuaca yang diberikan.

Sejurus pelancaran, Menteri Perhubungan kemudiannya menyaksikan pameran sempena Sambutan Hari Kajiucua 2015.

Pameran dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu 'Knowledge Station' yang memaparkan poster-poster mengenai cuaca di udara, darat dan laut; 'Action Section' memaparkan poster-poster mengenai sistem-sistem kaji cuaca yang digunakan di Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam; 'Brand Station', mempromosikan barang-barang Penjenamaan Korporat Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam; 'Video

Booth,' iaitu pondok untuk penyiaran video penyampaian ramalan cuaca dan 'Photo Booth,' iaitu pondok untuk mengambil gambar 'Weather Selfies'.

Pameran dibukakan kepada orang ramai mulai 24 hingga 26 Mac 2015, bertempat di ruang legar, Times Square Shopping Centre bermula pukul 10.00 pagi hingga 4.00 petang.

Sambutan Hari Kajiucua Sedunia disambut setiap 23 Mac untuk memperingati berkuat kuasanya Konvensyen Pertubuhan Kajiucua Sedunia (WMO) pada tahun 1950 dan sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan untuk keselamatan serta kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Perubahan iklim memberi kesan kepada hampir kesemua sektor sosioekonomi, dari pertanian ke pelancongan, dari infrastruktur ke kesihatan. Ia memberi kesan terhadap sumber strategik seperti air, makanan dan tenaga.

Ia melambatkan bahkan mengancam pembangunan mampan. Kos untuk tidak bertindak adalah tinggi dan akan menjadi lebih tinggi jika kita tidak bertindak dengan segera dan tegas.

## Pengisytiharan dividen TAP, SCP

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Mac.-Tabung Amanah Pekerja (TAP) memaklumkan bahawa Lembaga TAP mengisytiharkan dividen simpanan TAP dan SCP untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2014 pada kadar satu (1) peratus.

Dividen pada Tahun Kewangan 2013 - 2014 ini telah pun dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli TAP dan SCP pada 21 Mac 2015.

Penyata Kira-Kira Ahli akan dihantar melalui pos, walau bagaimanapun, ahli juga boleh mendapatkan maklumat akaun mereka sama ada dengan mengunjungi mana-mana pejabat TAP pada waktu bekerja ataupun menggunakan Kiosk e-info TAP.

Manakala bagi ahli yang telah pun mendaftar sebagai pengguna e-Amanah bolehlah mendapatkan maklumat berkenaan secara online melalui [www.tap.com.bn](http://www.tap.com.bn).

Dengan kadar tersebut, sebanyak BND19,823,310.23 (Sembilan Belas Juta, Lapan Ratus Dua Puluh Tiga Ribu, Tiga Ratus Sepuluh Ringgit dan Dua Puluh Tiga Sen) telah pun dimasukkan ke dalam 132,449 akaun ahli TAP dan sebanyak BND7,024,692.60 (Tujuh Juta, Dua Puluh Empat Ribu, Enam Ratus Sembilan Puluh Dua Ringgit dan Enam Puluh Sen) telah pun dimasukkan ke dalam 121,375 akaun ahli SCP bagi Tahun Kewangan 2013 - 2014.

## Laman Sesawang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Jabatan Perdana Menteri memaklumkan kepada orang ramai bahawa Laman Sesawang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 telah dilancarkan pada 1 Mei 2014.

Laman Sesawang Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 ialah [www.kanunsyariah.gov.bn](http://www.kanunsyariah.gov.bn).

# Majlis bertahlil sempena Hari Kajicuaca Sedunia

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar ketika mengepalai Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kubah Makam Diraja sempena Haji Kajicuaca Sedunia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Mac. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sempena Hari Kajicuaca Sedunia di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Juga hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos, pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta

kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis yang diungkayahkan ini merupakan salah satu aktiviti yang telah diatur oleh Jabatan Kajicuaca bagi memperingati Hari Kajicuaca Sedunia pada tahun ini, di samping mengeratkan silaturahim antara pegawai dan kakitangan.

Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia yang disambut pada setiap 23 Mac adalah bertepatan dalam memperingati berkuat kuasanya Konvensyen Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (WMO) pada tahun 1950 dan sumbangan penting yang diberikan oleh Perkhidmatan Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan untuk keselamatan dan kesejahteraan masyarakat di seluruh dunia.

Bacaan Surah Al Faatihah, Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Imam Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi, Awang Faisal bin Rosli.

## Kursus Pasca Perkahwinan kukuhkan hidup berkeluarga

TEMBURONG, Selasa, 24 Mac. - Pembangunan dan pemerksaan keluarga adalah penting dalam mendidik dan membimbing anak-anak untuk mereka membesar sebagai warganegara yang berguna dan positif demi menyahut cabaran bagi membangun negara.

Dalam usaha membantu

mengukuhkan institusi keluarga khususnya menurut landasan agama Islam, satu Kursus Pasca Perkahwinan telah diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar.

Kursus yang dihadiri oleh pasangan yang telah berkahwin tiga tahun ke atas itu dirasmikan oleh Pemangku

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Azmi bin Haji Suhaili, selaku wakil peribadi kepada Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Pegawai Daerah Temburong dalam ucapannya yang dibacakan oleh wakil peribadinya menjelaskan punca yang mendorong terjadinya permasalahan dalam rumah tangga di daerah ini antaranya tiada persefahaman di antara suami isteri, pengabaian tanggungjawab / nafkah serta curang kepada pasangan iaitu mempunyai hubungan luar dan keganasan.

Rujukan dari statistik Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong sejak tiga tahun kebelakangan tentang punca yang mendorong terjadinya permasalahan dalam rumah tangga di daerah ini, katanya lagi, termasuklah juga ghaib / menghilangkan diri, terlibat dengan dadah dan masuk penjara / Rumah Al-Islah.

Beliau berharap dengan bertambahnya ilmu para pasangan mengenai peranan dan tanggungjawab dalam rumah tangga sekurang-kurangnya akan dapat membantu mengurangkan permasalahan rumah tangga dan perceraian yang dihadapi oleh umat Islam di daerah ini dan Negara Brunei Darussalamnya.

Kursus yang diungkayahkan oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) melalui Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bermula hari ini hingga Khamis nanti diselitkan pembentangan kertas-kertas kerja oleh fasilitator-fasilitator berpengalaman dalam bidang masing-masing.

Diadakan buat pertama kalinya, kursus tersebut merupakan pelan strategik Program Pembangunan Keluarga Islam JHES dan KHEU dengan objektif untuk meningkatkan dan mengukuhkan jalinan



PEMANGKU Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Azmi bin Haji Suhaili selaku wakil peribadi Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah ketika berucap sebelum merasmikan Kursus Pasca Perkahwinan bagi Daerah Temburong.

persefahaman, kepimpinan serta kewibawaan sesebuah institusi keluarga.

Kursus Pasca Perkahwinan ini diharap akan dapat menjadi wadah perbincangan bagi membina sebuah keluarga yang harmoni seperti yang telah ditekankan dalam pendekatan Islam serta menjana sahsiah peribadi yang unggul sebagai ayah dan ibu dalam pendidikan anak-anak.



ANTARA peserta yang menyertai Kursus Pasca Perkahwinan bagi Daerah Temburong (bagi pasangan yang telah berkahwin 3 tahun ke atas), berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar.

## Pemilihan peserta Musabaqah Al-Qur'an

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac. - Majlis Musabaqah Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Pemilihan Awal Kebangsaan Tahun 1436 Hijrah telah diadakan bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas berserta Pemahaman Surah AL-Farj, Surah Al-A'laa, Surah Ad-Dhuha dan Surah At-Qadr bagi kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah pada 1 Januari 2015 dan tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'A'.

Musabaqah tersebut akan dilangsungkan selama empat (4) hari mulai 23 hingga 26 Mac 2015M mulai jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan disambung pada jam 1.45 petang hingga selesai.

Pada tahun ini seramai 206 orang peserta telah pun mendaftar bagi menyertai musabaqah yang dibahagikan kepada lima (5) kategori, iaitu:

Kategori 'A' - seramai 71 orang peserta menghafaz Surah-Surah Pilihan dari Juz 30, iaitu Surah Al-Lail, Surah Al-Buruuj, Surah

Ath-Thariq, Surah Al-A'laa, Surah Al-Ghasiyah, Surah Al-Balad, Surah Asy-Syams dan Kompleksi Surah-surah Lazim bermula dari Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas berserta Pemahaman Surah AL-Farj, Surah Al-A'laa, Surah Ad-Dhuha dan Surah At-Qadr bagi kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah pada 1 Januari 2015 dan tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'A'.

Kategori 'B' - seramai 39 orang peserta menghafaz Surah-Surah Pilihan, iaitu Surah As-Sajdah, Surah Yaasiin, Surah Al-Insaan, Surah Ar-Rahmaan, Surah Al-Waqi'ah, Surah Munaffiqun dan Surah Al-Mulak berserta Pemahaman Surah Mumtahannah, Surah At-Talak dan Surah Al-Jumuah bagi kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah pada 01 Januari 2015 dan tidak pernah menjadi johan sebanyak dua (2) kali dalam kategori 'B' dan bukan terdiri daripada penuntut ITQSHHB.

Kategori 'C' - seramai 61 orang peserta -

menghafaz tiga (3) Juz Al-Qur'an, iaitu daripada Juz satu (1) hingga Juz tiga (3) berserta Pemahaman Juz dua (2) bagi semua peringkat umur dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an Negara Brunei Darussalam dalam kategori 10, 20 dan 30 Juz serta tidak pernah menjadi johan dalam kategori 'C' sebanyak dua (2) kali.

Kategori 'D' - seramai 28 orang peserta menghafaz 15 Juz Al-Qur'an, iaitu daripada Juz satu (1) hingga Juz 15 berserta Pemahaman Juz sembilan (9) bagi semua peringkat umur dan tidak pernah menjadi johan sebanyak tiga (3) kali dalam kategori 'C' dan tidak pernah menjadi johan tiga (3) kali dalam musabaqah 30 Juz serta tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an Negara Brunei Darussalam dalam kategori 20 dan 30 Juz.

Kategori 'E' - seramai tujuh (7) orang peserta menghafaz 30 Juz Al-Qur'an, iaitu daripada Juz satu (1) hingga Juz 30 berserta Pemahaman Juz

20 bagi semua peringkat umur dan tidak pernah menjadi johan tiga (3) tahun berturut-turut dalam kategori menghafaz 30 Juz. Peserta tidak pernah menjadi johan tiga (3) tahun berturut-turut dalam musabaqah menghafaz 30 Juz.

Sehubungan itu, pada hari pertama musabaqah adalah bagi kategori A sahaja, seramai 57 orang peserta telah memperdengarkan hafazan masing-masing di Musabaqah Menghafaz tersebut, yang mana pada sebelah pagi adalah bagi 37 orang peserta dan disambung pada sebelah petangnya seramai 20 orang peserta.

Musabawah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi menyemarakkan Hari-hari Kebesaran Islam dan ia merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

# Pelbagai inisiatif tingkatkan prestasi pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman berucap semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Brunei Teachers' Standard 2015.

SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir di Majlis Penyampaian Sijil Brunei Teachers' Standard 2015 terdiri daripada para Pegawai Pelajaran dan Guru-Guru (kanan).

SENGKURONG, Sabtu, 21 Mac. - Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi tujuan meningkatkan prestasi pelajar khususnya pada peringkat rendah persekolahan.

Dalam proses pelaksanaan inisiatif-inisiatif, guru-guru perlu menjalani latihan semula untuk memastikan mereka faham dan memperolehi kemahiran dalam bidang-bidang tertentu yang berkaitan dengan inisiatif yang dijalankan.

Setiasaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil 'Brunei Teachers Standards (BTS)' di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong.

Beliau berkata, latihan yang diberikan ini adalah bertujuan untuk memastikan matlamat inisiatif berkenaan dapat dicapai dengan berkesan dan mendatangkan impak

yang dihasratkan kepada pelajar.

Berkaitan dengan proses latihan semula, jelasnya, pihak Kementerian telah menubuhkan Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) yang bertujuan untuk memberikan pembangunan profesional berterusan dalam bentuk latihan dalam perkhidmatan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kemahiran guru ke arah menjadikan para pelajar sebagai peneroka ilmu dan bukan sekadar pengikut.

"Adalah diharapkan kolaborasi antara BTS dan BDTA ini memainkan peranan penting dalam membantu guru-guru meningkatkan peranan mereka dalam mengemaskinikan kaedah pengajaran dan kemahiran-kemahiran penilaian dan seiring dengan kemajuan pendidikan teknologi untuk memperkayakan pelajar dengan ilmu dan kemahiran serta meningkatkan penglibatan pelajar melalui cara penyampaian yang menarik lagi berkesan," tambahnya.

Pada majlis tersebut tetamu kehormat juga menyempurnakan penyampaian sijil kepada 119 peserta yang diperakui sebagai BTS Accredited Trainers.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Menjalin kolaborasi yang lebih erat dalam hal ehwal kemasyarakatan akan terus diusahakan oleh pihak kerajaan demi meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan - rakyat dan rakyat - kerajaan.

Jalinan erat ini amat penting kerana ia dapat membina minda kesedaran sivik masyarakat yang menjurus ke arah cintakan ugama, bangsa, raja dan negara.

Untuk tujuan itu, Jabatan Penerangan melalui satu Program Sua Muka atau Personal Contact telah diadakan di Kediaman Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

Program ini merupakan aktiviti berterusan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang dikendalikan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Melalui program ini, Jabatan Penerangan telah dapat membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim dan kampung selaras dengan pencapaian dan perkembangan semasa yang dijalankan atau diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam sama-sama menjayakan projek atau program yang dirancang.

Subhubungan itu, dalam menyahut fungsi Jabatan Penerangan selaku lidah, mata dan telinga kerajaan, menerusi program ini jua, maklumat-maklumat seperti isu-isu semasa dan dasar kerajaan dikongsikan bersama, di samping menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sememangnya program yang



BERGAMBAR ramai bersama Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.

## Kolaborasi erat bina kesedaran sivik masyarakat

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

menjurus kepada mendekati orang ramai secara bersua muka adalah masih relevan dalam zaman yang canggih ini kerana ia lebih bersifat personal dan interaksi akan lebih berkesan serta dapat memberikan jalinan muhibah yang baik.

Oleh itu, hubungan baik yang terjalin antara warga Perkhidmatan Awam dan masyarakat akan dapat mewujudkan kemakmuran dan keharmonian masyarakat dan negara dan seterusnya memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat.

Sifat integriti antara pemimpin akar umbi dan masyarakat setempat adalah penting untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Penerangan sangat prihatin terhadap apa jua perkembangan, kemajuan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Kefahaman mengenai pemeduliaan pihak kerajaan terhadap rakyat juga adalah sangat penting untuk mengangkat kredibiliti kerajaan di mata masyarakat.

Dengan adanya program sebegini ia akan dapat memupuk semangat kekitaan dan bertanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat-rakyat dengan kerajaan.

Hadir selaku ketua rombongan pada program berkenaan ialah Ketua Unit

Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Ramli berserta para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

WAKIL dari Jabatan Penerangan, Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Ali Termizzi bin Haji Ramlli / Ramli, memberi cenderahati kepada Ketua Kampung Kiulap, Awang Haji Mohammad bin Abu Bakar.



## Penting fasih berbahasa Inggeris

Berita dan Foto : Hajah Noor Dina Haji Abd. Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Kefasihan berbahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan kedua di negara ini adalah perkara penting terutama sekali pada zaman serba mencabar masa kini.

Menyedari tentang hakikat tersebut, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengambil langkah proaktif dalam menentengahkan lagi bakat-bakat muda, dengan mengadakan Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah-Sekolah Menengah Swasta Ke-6 2015 (peringkat awal), yang berlangsung di Dewan Kuliah, sekolah berkenaan, hari ini.

Pegawai Pendidikan YSHHB, Mohd. Dani bin Haji Jalan, yang juga selaku tetamu kehormat pada pertandingan tersebut berkata, mempunyai kemahiran bertutur dengan baik sememangnya adalah perkara yang penting yang perlu ada pada hari ini dan adalah diharapkan pada pusingan awal ini akan dapat melahirkan ramai peserta yang dapat menunjukkan kemahiran bercakap dengan cemerlang yang bukan saja bermaklumat, tetapi juga meyakinkan.

Pertandingan Pidato Ke-6 itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar agar fasih berbahasa Inggeris seawal usia

mereka, yang mana sebagai imbalan, dapat membantu mereka untuk berfikir secara logikal dan kritikal, serta dapat menyediakan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran tambahan bagi menangani cabaran pada masa akan datang.

Selain itu, pertandingan tersebut adalah untuk memberi pengalaman dan menjadi motivasi kepada pelajar-pelajar tersebut di atas inisiatif mereka sendiri membuat hujah-hujah yang mereka sampaikan pada pertandingan berkenaan dan sekali gus

dapat memberi motivasi serta inisiatif khususnya kepada pelajar-pelajar lain dalam mencari keberanian dalam menyuarakan pendapat mereka di khalayak awam.

Seramai 24 peserta mewakili 12 buah sekolah swasta di negara ini bersaing di peringkat saringan.

Daripada jumlah tersebut hanya 10 peserta berjaya mara ke peringkat akhir, yang mana diadakan pada 21 Mac 2015.

Tahun lepas menyaksikan Jared Singh Sekhon dari Sekolah St. John Kuala Belait menjuarai Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah-Sekolah Menengah Swasta Ke-5 2014.



SEBAHAGIAN daripada peserta ketika menantikan giliran masing-masing untuk menyampaikan pidato mereka pada Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah-Sekolah Menengah Swasta Kali Ke-6 2015 (Peringkat Awal) yang berlangsung di Dewan Kuliah, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB).



SEORANG peserta semasa menyertai Pertandingan Pidato Bahasa Inggeris bagi Sekolah-Sekolah Menengah Swasta Kali Ke-6 2015 (Peringkat Awal) yang berlangsung di Dewan Kuliah, SM YSHHB.

# Kehidupan dunia dan akhirat

**M**ARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya kehidupan di dunia ini adalah kehidupan yang sementara, manakala kehidupan di akhirat pula adalah kehidupan yang kekal abadi. Oleh itu seorang mukmin harus mempersiapkan dirinya dengan memperbanyakkan amal ibadat sebagai bekal untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Hasyr ayat 18:

*Tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakan untuk hari esok (hari akhirat) dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."*

Berdasarkan ayat Al-Qur'an tersebut kita diingatkan supaya jangan terlalu leka dalam mencari kesenangan hidup di dunia. Semestinya kita perlu mengutamakan bekal hidup di akhirat kerana kehidupan akhirat adalah kehidupan yang lebih baik dan kekal abadi.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah melimpahkan rahmat dan nikmat yang begitu banyak kepada kita sehingga kita tidak akan terhitung banyaknya. Di dalam Al-Qur'an telah diceritakan kisah-kisah umat terdahulu yang telah diuji dengan nikmat kekayaan yang melimpah ruah, tetapi akhirnya mengukufuri dan tidak mensyukuri nikmat-nikmat tersebut.

Antara kisah yang diceritakan di dalam Al-Qur'an ialah kisah Karun, seorang yang kaya raya dalam kehidupan dunianya, namun ia sombong dan tidak memikirkan tentang akhiratnya. Lalu ia termasuk dalam golongan orang-orang yang ingkar dan rugi di akhirat. Seharusnya kisah tersebut menjadi pengajaran dan iktibar buat kita semua.

Ketahuiilah, nikmat dan kekayaan yang dikurniakan di dunia ini patutlah kita syukuri, iaitu dengan meningkatkan amal ibadat dan kebajikan serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, umpamanya dengan menginfakkan yakni membelanjakan kekayaan tersebut ke jalan Allah seperti mengeluarkan zakat, bersedekah, amal jariah dan lain-lain.

Di dalam Surah Al Qashash ayat 77 Allah Subhanahu Wata'ala berfirman:

*Tafsirnya: "Dan carilah pahala negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepada mu dan janganlah engkau melupakan bahagian mu daripada kenikmatan dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepada mu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan."*

Daripada ayat ini kita dapat mengambil beberapa pengajaran, iaitu:

Pertama: Carilah pahala negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita.

Harta adalah anugerah dari Allah Subhanahu Wata'ala, dengan adanya harta itu janganlah sampai kita lupa dan lalai kerana kehidupan di dunia ini hanyalah sementara dan kehidupan akhirat jua yang kekal abadi. Harta benda yang kita nikmati ini semuanya akan tinggal di dunia sahaja. Oleh itu gunakanlah harta itu untuk tujuan kebahagiaan hidup di akhirat nanti. Berbuat baiklah, nafkahkanlah rezeki yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala itu kepada jalan kebajikan.

Kedua: Janganlah kita melupakan bahagian kita daripada kenikmatan dunia.

Ibnu Arabi memberikan tafsiran ayat tersebut bahawa: *jangan lupa bahagian mu di dunia, iaitu harta yang halal*". Tinggallah dalam rumah yang

baik, pakailah kenderaan yang selesa dan hiduplah dengan adanya isteri yang solehah, mudah-mudahan dengan semua itu kita akan memperolehi kemudahan dan kebahagiaan hidup di dunia demi untuk mencapai kebahagiaan akhirat jua.

Ketiga: Berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala telah berbuat baik kepada kita.

Kebaikan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita tidaklah terhitung banyaknya. Sejak dari kita dalam kandungan ibu hinggalah kita dilahirkan ke dunia ini kita tidak mempunyai apa-apa lalu diberikan rezeki berlipat ganda, maka sudah sepatutnya kita berbuat ihsan, iaitu berbuat baik.

Ihsan kepada Allah Subhanahu Wata'ala ialah sebagaimana yang tersebut di dalam hadith nabi ketika Jibril Alaihis Salam menanyakan kepada nabi tentang ihsan, iaitu bahawa engkau menyembah Allah seakan-akan engkau melihat Allah. Dan meskipun engkau tidak dapat melihat-Nya, namun Dia pasti melihat engkau.

Adapun ihsan kepada sesama manusia ialah hubungan yang baik, berakhlak yang baik, bertutur kata yang baik, berlapang dada, dan berbelas kasihan kepada semua manusia lebih-lebih lagi kepada golongan yang memerlukan seperti fakir miskin.

Keempat: Janganlah berbuat kerosakan di

**SESUNGGUHNYA berbuat kerosakan itu akan merugikan kita sendiri dan orang lain, dan boleh memutuskan hubungan silaturahim. Antara kerosakan yang dimaksudkan ialah melakukan penganiayaan atau kezaliman seperti mengganggu keamanan, menyakiti hati sesama manusia, menipu, mencari keuntungan semata-mata untuk diri sendiri dengan melupakan kerugian orang lain dan sebagainya. Ingatlah wahai kaum muslimin, Allah telah menyatakan bahawa Dia tidak menyukai orang yang suka membuat kerosakan di muka bumi kerana balasan Allah pasti akan datang sama ada cepat ataupun lambat. Ketahuilah apabila hukuman Allah datang, tidak ada seorang pun yang mempunyai daya dan kekuatan untuk menghalangnya.**



muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.

Sesungguhnya berbuat kerosakan itu akan merugikan kita sendiri dan orang lain, dan boleh memutuskan hubungan silaturahim. Antara kerosakan yang dimaksudkan ialah melakukan penganiayaan atau kezaliman seperti mengganggu keamanan, menyakiti hati sesama manusia, menipu, mencari keuntungan semata-mata untuk diri sendiri dengan melupakan kerugian orang lain dan sebagainya.

Ingatlah wahai kaum muslimin, Allah telah menyatakan bahawa Dia tidak menyukai orang yang suka membuat kerosakan di muka bumi kerana balasan Allah pasti akan datang sama ada cepat ataupun lambat. Ketahuilah apabila hukuman Allah datang, tidak ada seorang pun yang mempunyai daya dan kekuatan untuk menghalangnya.

Akhirnya, mudah-mudahan kita akan dapat terus menjalani kehidupan di dunia ini sesuai dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu dengan memperolehi kehidupan yang baik di dunia dan di akhirat serta dijauhkan daripada seksa api neraka. Amin ya rabbal alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 201:

*Tafsirnya: "Dan antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Ya Tuhan kami! kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada azab neraka."*

## وقت سمبهيغ داعيره بروني موارا دان تمبوروغ ، امساک ، شوروق دان ضحي

وقت سمبهيغ . امساک . شوروق دان ضحي باقي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 28 مرچ 2015 برسامان دغن 7 جمادى الآخر 1436 هيفغ  
كهاري جمعة 3 افريل 2015 برسامان 6 جمادى الآخر 1436 اداله سقرت دباوه اين :

عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساک	هجريه جمادى الآخر	هاري	مسيحي مرچ
7.39	6.30	3.30	12.27	6.44	6.21	5.05	4.55	7	سبتو	28
7.39	6.30	3.30	12.27	6.44	6.20	5.04	4.54	8	احد	29
7.39	6.30	3.29	12.27	6.43	6.20	5.04	4.54	9	اثنين	30
7.39	6.30	3.28	12.26	6.43	6.19	5.03	4.53	10	ثلاث	31
7.39	6.30	3.27	12.26	6.42	6.19	5.03	4.53	11	رابو	1 افريل
7.39	6.30	3.26	12.26	6.42	6.19	5.02	4.52	12	خميس	2
7.39	6.30	3.25	12.25	6.41	6.18	5.02	4.52	13	جمعة	3

وقت 2 سمبهيغ باقي داعيره نوتوغ دتميه ساتو مينيت دان داعيره بلايت دتميه نيك مينيت دان سمبهيغ فرض جمعة دسوروبه نكارا بروني دارالسلام  
دمولاي دري فوكول 12.45 نغه هاري

## JCMS berkesan menguruskan dokumen mahkamah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Mac. - Sistem Pengurusan Kes Kehakiman atau ringkasnya JCMS adalah satu sistem pengurusan elektronik yang dilaksanakan oleh Kehakiman, dengan bantuan dari Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri untuk Mahkamah Sivil di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam.

Sistem tersebut telah dilancarkan pada 23 Mac 2015 di Bangunan Mahkamah Besar oleh Ketua Hakim Negara, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Haji Awang Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli.

Ia bertujuan untuk mewujudkan dan mengekalkan satu cara yang berkesan untuk menguruskan dokumen mahkamah dan juga perkhidmatan mahkamah untuk kedua-dua masyarakat awam dan undang-undang.

JCMS mengandungi Sistem e-Filing (PKP), Sistem Pengurusan Kes (CMS), dan Sistem Pengurusan Giliran (QMS).

PKP merupakan sistem pemfailan elektronik yang direka untuk berkhidmat kepada pengguna awam dan pengamal undang-undang

dalam pemfailan dokumen secara elektronik mahkamah.

Agensi-agensi kerajaan dan firma undang-undang berdaftar boleh menggunakan laman web e-Filing (<http://efiling.judiciary.gov.bn>) yang menyediakan portal dalam talian, di mana pengguna boleh log masuk untuk mengakses pelbagai perkhidmatan seperti sebelum ini pendaftaran kes, pemfailan dokumen kes, carian fail dan mendapatkan semula dokumen.

Ia juga menyediakan pengguna dengan jadual kes mereka dan mengingatkan mereka tentang status kes dan masa pendengaran mereka.

Orang ramai boleh menggunakan laman web e-Filing dengan memuat turun atau ekstrak dokumen yang ditandatangani sahaja. Untuk memfailkan kes, orang ramai boleh pergi ke 'Biro Perkhidmatan Kaunter' kemudian mahkamah akan menghantar pemberitahuan e-mel untuk dokumen yang hendak dikeluarkan. Untuk memuat turun dokumen tersebut, pengguna akan melayari laman sesawang e-Filing (<http://efiling.judiciary.gov.bn>) dan masukkan nombor kod pengestrakan

yang disediakan dalam e-mel dan muat turun dokumen.

CMS adalah sebuah sistem berpusat, di mana mahkamah boleh mengurus dan mengesan proaktif dan memantau setiap kes melalui tempoh masanya. Sistem ini adalah untuk kegunaan dalaman sahaja dan kehakiman membolehkan pengangkutan bagi kes-kes dan pengurusan pendengaran jadual untuk hakim dan pegawai kehakiman. CMS juga memperuntukkan arkib, penyimpanan rekod dan mendapatkan semula dokumen kes dan kemampuan carian untuk mendapatkan maklumat mengenai kes-kes mahkamah. Hakim dan pegawai kehakiman juga boleh menyimpan nota mereka prosiding dan keputusan hakim dalam sistem.

QMS membolehkan ahli pengamal awam dan undang-undang untuk mendapatkan senarai sehingga tarikh pendengaran, status kes-kes mahkamah dan jadual lain melalui kiosk yang terletak di bangunan mahkamah yang dipilih. Kiosk interaktif menyediakan sistem giliran yang teratur, terutama sekali untuk dewan pendengaran sebelum Pendaftar Mahkamah Besar.

Untuk mencari maklumat pada kes dan pihak-pihak, pengguna boleh pergi ke sebuah stesen, pilih 'Tanya Detail Kes' dan masukkan nombor kes tersebut dan pilih sama ada 'Semua Plaintiff hadir' atau 'Semua Defendan hadir' dan pilih 'Ya' untuk mengesahkan kehadiran. Jika tidak mendaftar kehadiran bagi ruang pendengaran dalam QMS, mahkamah tidak akan dapat menguruskan kehadiran atau hubungi awda.

Ini bertujuan bahawa JCMS akan meliputi semua tindakan undang-undang, kebangkrutan, probet dan proses perkahwinan dan jenayah sivil di Negara Brunei Darussalam dalam kedua-dua Mahkamah Besar dan Mahkamah Rendah dengan mewujudkan rangkaian elektronik yang menghubungkan semua mahkamah awam di seluruh negara. Penyediaan perkhidmatan mahkamah elektronik akan membolehkan cara yang lebih berkesan dan sistematik dalam menguruskan sumber mahkamah dan meningkatkan akses kepada mahkamah untuk orang awam, institusi kerajaan dan pengamal undang-undang.

JCMS dijangka meningkatkan

kecekapan dan produktiviti mahkamah kerana sistem tersebut menyediakan akses kepada kes fail dari mana-mana lokasi dan membenarkan akses serentak kepada mana-mana fail kes melalui lebih daripada satu orang pada masa yang sama. Adalah dijangkakan bahawa JCMS juga akan memendekkan masa pemprosesan kes dan juga akan menyebabkan cepat pemfailan dokumen dan mendapatkan semula. Sistem ini akan mengurangkan, sebahagian besar, penggunaan kertas di mahkamah, menjimatkan ruang fizikal untuk menyimpan kertas dan tenaga fizikal dalam mengangkut fail fizikal di dalam mahkamah. Ini akan meningkatkan kecekapan melalui pengurangan aliran kertas sepanjang proses tindakan undang-undang kerana semua dokumen akan difailkan dan disimpan secara elektronik dalam sistem.

Dalam simpanan, koleksi elektronik mengambil satu pecahan bagi ruang yang diperlukan oleh fail kertas.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang kehakiman <http://efiling.judiciary.gov.bn> atau e-mel [courts@judicial.gov.bn](mailto:courts@judicial.gov.bn).

## Penerima dana disaran teruskan kecemerlangan pelajaran



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Yusoff bin Ismail** semasa menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

**JERUDONG**, Selasa, 24 Mac. - Para pelajar yang telah diberikan Dana Bantuan Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ALAF sejak tahun 2013 yang lalu, iaitu seramai 63 orang dan 33 orang pada tahun 2015 diseru untuk melipatgandakan usaha demi meningkatkan kecemerlangan pelajaran dan pembelajaran mereka agar akan berterusan sebagai penerima di dalam Program ALAF sehingga mereka dapat melanjutkan pengajian di peringkat tertinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji Ismail berharap para pelajar akan berjaya mendapatkan pekerjaan yang baik atau menjana pendapatan sendiri setelah menamatkan pengajian yang setentunya dapat membantu meningkatkan sosioekonomi keluarga, selain mengeluarkan keluarga masing-masing dari kepompong kemiskinan.

Berucap pada Majlis Penganugerahan Dana Bantuan Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat BIBD ALAF, bertempat di Dewan Berkshire, Jerudong Park dan Polo Country Club, Yang Mulia Dato Seri Setia juga mengingatkan para pelajar yang menerima program bantuan untuk sentiasa bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberikan nikmat kemudahan

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

mendapat pendidikan melalui program bantuan Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (BIBD ALAF) ini.

Pemberian bantuan program ini, terangnya, adalah dikhususkan kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pelajaran dan pembelajaran mereka melalui satu cara pemilihan yang ketat dan tegas serta perlu memenuhi syarat-syarat dan kriteria tertentu dari segi kelulusan dalam peperiksaan dengan markah purata 85 peratus ke atas dan peratus kehadiran yang tidak kurang dari 90 peratus waktu persekolahan.

Semenjak program tersebut dilancarkan pada tahun 2013, jelas Timbalan Menteri Pendidikan, terdapat juga pelajar-pelajar diberhentikan pemberiannya akibat tidak memenuhi sukat-sukat yang ditetapkan dalam pencapaian sekolah mereka.

Oleh yang demikian, Timbalan Menteri Pendidikan menyarankan supaya pihak Jabatan Sekolah-Sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan

Jabatan Pengajian Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membuat penyelidikan dalam mencari punca-punca kemerosotan pencapaian itu.

"Kita tidak mahu pelajar-pelajar yang pernah cemerlang dan berjaya dalam pelajaran dan pembelajaran mereka tiba-tiba tercicir tanpa mengetahui sebab-musabab berlakunya keciciran tersebut dan apa sebenarnya masalah mereka hadapi sehingga mereka tidak lagi mempamerkan kecemerlangan," tegas Timbalan Menteri Pendidikan.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan juga sentiasa berusaha mengamalkan pendekatan-pendekatan dalam mengurangkan bebanan para ibu bapa dan penjaga pelajar seperti menyediakan kemudahan tempat tinggal asrama dan juga kemudahan pengangkutan di darat dan di sungai bagi mereka yang benar-benar memerlukan.

Bagi menggalakkan generasi ALAF yang mampu berfikir dan berinovasi, beliau yakin perkongsian pintar



**TIMBALAN Menteri Pendidikan** semasa menyampaikan Sijil Anugerah BIBD ALAF kepada salah seorang pelajar yang menerima anugerah.

Kementerian Pendidikan dengan pihak BIBD seperti ini akan dapat dilartakan kepada usahasama pelbagai projek lain yang bermanfaat dan berfaedah pada masa akan datang yang semestinya akan dapat memberi nilai tambah serta pengalaman baru kepada pelajar-pelajar program ini seperti menghantar mereka menghadiri kursus atau seminar dalam negeri dan di luar negara.

Timbalan Menteri Pendidikan

seterusnya berharap, sejajar dengan program bantuan yang diberikan akan dapat membentuk satu generasi yang berwawasan selain menaruh harapan yang tinggi supaya kesemua pelajar yang menerima bantuan program BIBD ALAF pada hari ini dan pada tahun sebelumnya akan sentiasa berusaha dengan gigih dan fokus dalam pelajaran serta pembelajaran dan arah mencapai kecemerlangan dan kejayaan yang berterusan.

## BIBD ALAF berusaha capai sasaran Wawasan 2035



**PENGARAH Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Javed Ahmed** ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.

**JERUDONG**, Selasa, 24 Mac. - Pengarah Urusan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Javed Ahmed berkata, Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat (ALAF), BIBD diperkenalkan dengan

hasrat untuk menjadi pemangkin kepada tithat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mencapai sasaran Wawasan 2035, iaitu dalam memastikan generasi masa depan anak-anak Brunei yang berpendidikan tinggi, berintegriti, berwawasan sebagai modal insan yang berbudaya dan taat kepada agama, raja dan negara.

Justeru itu, sebagai program *flagship*, BIBD ALAF sekali gus memainkan peranan dalam memberi ruang kesempatan kepada kanak-kanak pintar daripada kalangan keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapat tempat dan peluang untuk terus belajar dan berjaya menjadi seorang cendekiawan yang akan memainkan peranan sebagai pemimpin masa depan.

Pengarah Urusan BIBD menyatakan perkara tersebut semasa menyampaikan alu-aluannya pada Majlis Penganugerahan Dana Bantuan

Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat BIBD ALAF 2015 di Dewan Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club, Jerudong, di sini.

Program tersebut, jelasnya, adalah merupakan program komprehensif dan inklusif dalam pelbagai bentuk yang disediakan oleh BIBD di sepanjang hayat pembelajaran dari peringkat rendah sehinggalah peringkat yang tinggi seperti ijazah lanjutan dan Ph.D.

Menurutnya, di sepanjang dua tahun program BIBD ALAF berlangsung, program ini telah berjaya menghasilkan peningkatan yang ketara dari segi penyediaan bantuan komprehensif yang diterima oleh keluarga yang kurang bernasib baik di negara ini sekali gus menjadi salah satu *milestone* kepada upaya masyarakat untuk sama-sama menghulurkan bantuan menerusi pengumpulan dana dan sumbangan umum secara lebih teratur dan sistematik.

BIBD, tambahnya, berhasrat untuk memantau dan menambah baik sistem

urus bantuan dan menjadikan program BIBD ALAF bukan saja sebagai sumber dana menyediakan pelbagai bentuk bantuan tetapi lebih dari itu, iaitu dengan menyediakan *platform* yang terarah kepada pelajar ALAF untuk menjana masa depan yang lebih cerah mengikut keupayaan masing-masing dalam memastikan kerjaya di masa depan akan terjamin sekali gus dapat menyumbang kepada penerhasilan sumber daya manusia yang berilmu dan berdaya tahan, di samping memperkasa ekonomi dan kemajuan bangsa dan negara pada sasaran tahun 2035 nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Yusoff bin Haji Ismail yang juga menyempurnakan penyampaian Sijil Anugerah BIBD ALAF berkenaan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah Kementerian Pendidikan serta pegawai-pegawai dan kakitangan BIBD.

# Sekolah St. George's juara Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Mac. - Sekolah St. George's muncul juara pada Peringkat Akhir Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik antara Sekolah-Sekolah Rendah Senegara Ke IV sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 Tahun 2015.

Juara berjaya mengumpul markah sebanyak 85.4 peratus setelah mengalahkan naib juara, iaitu Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang memperolehi markah sebanyak 78.6 peratus, diikuti oleh Sekolah St. John's tempat ketiga dengan markah 75.6 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah pada pertandingan yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, di sini ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Sementara itu, Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee dalam

ucapannya menjelaskan, sambutan tahun ini agak menggalakkan di mana sebanyak 17 buah pasukan koir dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta telah berkumpul untuk bertanding di peringkat saringan yang telah diadakan pada 25 Februari 2015.

Dalam peringkat saringan ini, jelasnya, semua pasukan telah mampu mempamerkan persaingan yang sengit dan ini merupakan satu pertanda positif yang menunjukkan perkembangan dan kemajuan budaya koir yang semakin menanjak di kalangan pelajar-pelajar di sekolah rendah.

Daripada semua pasukan yang ikut serta, hanya lapan buah pasukan terbaik sahaja yang bertanding ke peringkat akhir.

Pertandingan yang merupakan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Akli ini bertujuan untuk membarigakan lagu patriotik Brunei kepada orang ramai khususnya pelajar-pelajar di sekolah rendah sebagai salah satu wadah

pendidikan, selain menentengahkan bakat yang sedia ada dalam kalangan pelajar dalam pecahan vokal dan harmoni serta berani beraksi di hadapan khalayak ramai.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk melahirkan satu kumpulan yang bersatu padu, bekerjasama dan berdisiplin serta meningkatkan nilai-nilai estetika sebagai persiapan awal bagi membuat persembahan sama ada di dalam mahupun di luar negeri serta menanamkan nilai dan semangat kompetitif dengan cara yang sihat pada khalayak ramai.

Di samping itu, pertandingan berkenaan juga dihasratkan untuk memberi peluang kepada para pelajar berinteraksi dan bergaul dalam suasana yang harmoni dengan tujuan untuk membina sifat dan peribadi yang positif dan setia kawan serta meningkatkan semangat patriotisme dan cintakan negara dengan penglibatan dalam kegiatan kesenian dan kebudayaan.

Turut hadir ialah pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, guru-guru besar, para pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan dan KKBS serta guru-guru dan pelajar-pelajar.

# Kadar penyakit Tibi menurun



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dalam perutusan sempena Hari Tibi Sedunia 2015.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Mac.- Di Negara Brunei Darussalam, kadar insiden penyakit Tibi telah menurun daripada 91.9 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 48.7 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2014.

Pada tahun 2000, sebanyak 194 kes baru dalam kalangan warga tempatan telah dicatatkan dan jumlah itu menurun kepada 141 kes pada tahun 2014.

Manakala bagi warga asing, sebanyak 57 kes penyakit Tibi telah dapat dikesan pada tahun 2014.

Hasil penganalisan Kementerian Kesihatan mendapati, walaupun terdapat penurunan jumlah keseluruhan kes di negara ini, namun kadar penurunan adalah mendatar pada tahun-tahun kebelakangan, kata Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dalam perutusan sempena Hari Tibi Sedunia 2015.

"Oleh yang demikian, Kementerian Kesihatan terus melaksanakan strategi-strategi pencegahan dan pengawalan dengan mengambil langkah-langkah proaktif dalam memantapkan dan memperkesakan lagi tatacara pengawalan dan pencegahan penyakit Tibi di negara ini melalui Pelan Tindakan bagi Mengawal Penyakit Tibi 2012-2017 yang sejajar dengan Strategi Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu WHO's End TB Strategy (2016-2035) yang memfokuskan kepada meningkatkan kesedaran dan pendidikan kepada orang awam mengenai penyakit Tibi serta langkah-langkah pengawalan dan pencegahannya; mengukuhkan Program Saringan Penyakit Tibi (TB Screening Program), terutama sekali di golongan mereka yang berisiko tinggi," tambah Yang Berhormat.

Di samping itu, memberikan rawatan dan menjalankan pemantauan pesakit Tibi, termasuk bagi menghindari kemunculan kekebalan kuman Tibi terhadap ubat-ubatan anti-Tibi (*Multi-drug resistant TB* dan *extensively drug-resistant TB*); serta mengkaji semula dan memperkukuhkan Program Kawalan Tibi Kebangsaan yang ada pada masa ini dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang bertujuan membanteras dan menghapuskan penyakit Tibi di negara ini.

Kementerian Kesihatan memerlukan semua *stakeholder* termasuk agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat, khususnya penghidap penyakit Tibi, untuk bersama-sama bertanggungjawab dan bekerjasama secara bersepadu bagi memperkesakan dan melipatgandakan lagi usaha serta langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit Tibi di negara ini ke arah menjayakan hasrat negara bebas daripada penyakit Tibi.

Sempena Hari Tibi Sedunia bagi tahun 2015 ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Stop TB Partnership telah memilih tema 'Sampaikan kepada Tiga Juta : Sampaikan, Rawat, Sembuhkan Semua Orang' (Reach the Three Million : Reach, Treat, Cure Everyone).

WHO menganggarkan 9 juta kes baru penyakit Tibi berlaku di seluruh dunia pada setiap tahun, di mana 3 juta daripadanya adalah semasa tidak dapat dikesan atau tidak menerima sebarang rawatan.

Secara global, kebanyakan mereka terdiri daripada golongan termiskin dan terpinggir serta orang-orang yang berisiko tinggi. Justeru itu, sempena Sambutan Hari Tibi Sedunia ini, pihak WHO telah menyarankan semua *stakeholders* untuk memberikan komitmen penuh dan bekerjasama secara sepadu dengan mengambil tindakan yang lebih efektif serta pendekatan yang inovatif ke arah memastikan mereka yang telah dijangkiti kuman Tibi mendapat akses kepada diagnosis, rawatan dan disembuhkan daripada penyakit Tibi.

Hari Tibi Sedunia diperingati pada setiap 24 Mac dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak termasuk orang ramai bagi sama-sama membanteras penyakit Tibi yang bukan sahaja boleh mengancam kesihatan awam malahan juga telah terbukti menjejaskan kesejahteraan serta membebaskan sosioekonomi individu, masyarakat dan negara. Penyakit Tibi merupakan satu *epidemic* yang berlaku di kebanyakan negara di dunia, dan menyebabkan hampir 1.5 juta kematian setiap tahun, terutamanya di negara-negara yang sedang membangun.

langkah untuk melahirkan golongan pelajar yang cemerlang dan untuk mencapai sasaran atau merealisasikan impian.

Hasil gabungan pelbagai pihak termasuklah dalam kalangan guru besar, guru-guru, pegawai-pegawai dari Pejabat Pengajian Islam Daerah Temburong serta para ibu bapa, ujaninya, maka kecemerlangan akan mampu dicapai.

Majlis seumpamanya diadakan sebagai tanda kesyukuran dan meraikan kejayaan para pelajar yang menuntut ilmu pengetahuan dan menamatkan persekolahan agama khususnya di SUP, di samping sebagai menghargai dan meraikan para pelajar berserta ibu bapa/penjaga yang sama-sama memberikan dorongan dan motivasi sehingga beroleh kejayaan.



**PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad bergambar ramai bersama juara pertandingan yang disandang oleh pasukan Sekolah Saint George's.**

# Pelajar cemerlang diraikan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG**, Selasa, 24 Mac. - Sebanyak enam daripada 10 buah sekolah agama di daerah ini telah memperolehi 100 peratus lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) bagi tahun 1435 Hijrah / 2014 Masihi.

Salah sebuah sekolah agama tersebut ialah Sekolah Ugama Puni (SUP) yang mana dari seramai 28 pelajar Darjah VI yang menduduki peperiksaan tersebut, 20 daripadanya mendapat pangkat 1, 4

pelajar memperolehi pangkat 2 dan 4 pelajar lagi mendapat pangkat 3.

Bagi meraikan kejayaan tersebut, doa kesyukuran 100 peratus lulus peperiksaan SSSRU tahun 1435H / 2014M bagi SUP telah diadakan di Dewan Sekolah Rendah Puni, Mukim Bangar, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pegawai Pengajian Islam Daerah Temburong, Dayang Rosita binti Haji Yaakub yang juga menyempurnakan

penyampaian hadiah-hadiah kepada murid cemerlang dan terbaik.

Ketika berucap pada majlis itu, Dayang Rosita telah mengongsikan peningkatan peratus lulus dalam peperiksaan SSSRU di daerah ini yang mana tahun 2014M, jelasnya, mencatatkan 95.24 peratus lulus iaitu seramai 100 pelajar telah lulus daripada 105 pelajar yang menduduki peperiksaan SSSRU tahun 2014M berbanding 83.62 peratus pada tahun 2013M.

Semua pihak, tegasnya, semestinya berganding bahu dan mengatur



**PELAJAR-PELAJAR Darjah VI Sekolah Ugama Puni yang lulus Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Tahun 1435 Hijrah / 2014 Masihi.**

# Perkampungan Kokurikulum MIB himpunkan ahli-ahli pasukan beruniform senegara



**PEGAWAI** Tugas-Tugas Khas Kanan, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad melayong selaku Setiausaha / Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MIB) (dua dari kiri) dan Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar selaku Pengerusi Bersama (tengah) ketika mengadakan Sidang Media mengenai Perkampungan Kokurikulum MIB bagi Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Senegara Kali Pertama berlangsung di Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Seramai kira-kira 500 ahli pasukan yang terdiri daripada Pasukan Kadet Tentera, Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pengakap, Pasukan Bulan Sabit Merah dan Pasukan Pandu Puteri akan menyertai Perkampungan Kokurikulum Melayu Islam Beraja (MIB) Bagi Pasukan-pasukan Beruniform Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Senegara Kali Pertama pada musim cuti persekolahan penggal pertama tahun 2015.

Perkampungan Kokurikulum MIB anjuran Majlis Tertinggi MIB dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan adalah dihasratkan untuk menanam

asas nilai-nilai murni yang terkandung dalam konsep MIB kepada para belia.

Demikian diumumkan pada sidang akhbar yang berlangsung di Bilik Muzakarah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, hari ini.

Hadir pada sidang tersebut ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, selaku Setiausaha / Ketua Urus Setia Majlis Tertinggi MIB; Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar, selaku Pengerusi Bersama dan Ketua Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Awang Jalil bin Pengarah Haji Kapitan, selaku Setiausaha Bersama.

Perisian aktiviti perkampungan itu akan menghubungkan antara

elemen pengukuhan kerohanian dan jasmani belia, pembinaan jati diri, kepimpinan dan motivasi serta pengukuhan ideologi belia kepada konsep MIB, dengan hasrat akan menjadi benteng dalam menerajui kehidupan mereka sebagai anak bangsa yang mencintai negara.

Pembukaan rasmi (*soft launching*) akan dirasmikan oleh Dr. Haji Muhammad Hadi, manakala penutupan rasmi akan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Salah satu aktiviti yang akan diadakan ialah Majlis Forum MIB yang akan dihadiri oleh tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman. Sementara itu, Kulia Subuh bersama Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned sempena Perkampungan MIB akan diadakan pada 29 Mac 2015 di Masjid Kampung Pulaie.

Perkampungan itu nanti juga akan diisiti dengan pelbagai aktiviti seperti solat berjemaah lima waktu, Kulia Subuh / ceramah agama, membaca Tahlil dan Doa Arwah, pembacaan Al-Qur'an menggunakan Al-Qur'an Al-Karim dengan panduan waqaf dan ibtida' berserta hukum tajwid, ceramah / bengkel, perlawanan merintis berpasukan dan sebagainya.

Adapun tujuan perkampungan tersebut ialah untuk mempelbagaikan lagi kaedah bagi pemahaman dan pengukuhan konsep MIB kepada belia, terutama sekali di peringkat sekolah dan untuk menerapkan nilai-nilai MIB dalam kehidupan dan jiwa pelajar khususnya kepada ahli-ahli pasukan beruniform serta menjadikan ahli

pasukan beruniform sebagai 'ejen' bagi mempengaruhi pelajar lain dan rakan sebaya mereka ke arah memahami konsep MIB.

Di samping itu, ia untuk menghimpunkan ahli-ahli pasukan beruniform terdiri daripada pelajar-pelajar maktab, sekolah menengah serta pendidikan swasta dalam satu perkampungan dan selain itu, mempergiat usaha mengembangkan kefahaman konsep MIB, menanam bakat kepimpinan dan memupuk kemahiran berani aksi di depan orang ramai.

Perkampungan MIB Bagi Pasukan-Pasukan Beruniform Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Senegara yang julung kalinya diadakan ini akan berjalan selama empat hari tiga malam bermula pada 27 hingga 30 Mac 2015, bertempat di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie.

Turut hadir pada sidang akhbar, ialah pegawai-pegawai dari Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Oleh : Nur Faizzah Nawang  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

## Mensosialisasi sasaran PSR



**PEMANGKU** Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Zaman bin Haji Gapar ketika menyampaikan taklimat semasa Perjumpaan Mengenai Inisiatif Pendidikan Rendah bersama penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung Daerah Temburong.

**TEMBURONG**, Isnin, 23 Mac. - Kementerian Pendidikan terus berusaha bagi mensosialisasikan sasaran Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan Akta Pendidikan Wajib serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kehadiran di sekolah.

Salah satu usaha yang dilakukan oleh kementerian berkenaan ialah dengan mengadakan perjumpaan bersama pemimpin masyarakat bagi membarigakan maklumat-maklumat mengenai perkembangan dan perancangan Kementerian Pendidikan khususnya pendidikan rendah.

Perjumpaan mengenai inisiatif pendidikan rendah bersama penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, diselitkan dengan sesi taklimat mengenai inisiatif pendidikan rendah oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Pendidikan, Awang Zaman bin Haji Gapar.

Beliau antara lain menyentuh mengenai aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan sasaran PSR 2017 bagi sekurang-kurangnya 90 peratus pelajar akan memperolehi Gred A-C pada tahun berkenaan.

Untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar khususnya di pendidikan rendah, Kementerian Pendidikan ujarnya, telah menyusun beberapa inisiatif utama ke arah pencapaian sasaran PSR 2017 yang diterjemahkan kepada lima fokus, iaitu pengajaran dan pembelajaran; kepimpinan; akauntabiliti dan pengurusan prestasi; kehadiran dan faktor sosial serta pemboleh berjalin.

Taklimatnya juga menyentuh mengenai memperkukuhkan kehadiran pelajar, di mana menurut beliau salah satu usaha Kementerian Pendidikan ialah dengan penggunaan Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator - KPI) kehadiran pelajar di setiap sekolah.

Juga menyampaikan taklimat ialah

Pegawai Pelajaran Kanan, Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Mal Hafida binti Haji Alit / Malek yang menyentuh mengenai Akta Pendidikan Wajib 2007.

Perjumpaan antara lain mempunyai objektif bagi Kementerian Pendidikan memasyarakatkan mengenai inisiatif-inisiatif pendidikan rendah dalam usaha menuju Wawasan 2035.

Selain itu, perjumpaan juga merupakan usaha bagi meningkatkan kesedaran akan pentingnya keutamaan kerjasama dan keterlibatan pemimpin masyarakat serta peranan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa / Guru (PIBG).

Sesi perjumpaan merupakan usaha berterusan Kementerian Pendidikan sebagai wadah interaksi dua hala yang positif di antara kementerian bersama pemimpin masyarakat mengongsikan maklumat-maklumat mengenai perkembangan dan perancangan Kementerian Pendidikan, khususnya pendidikan rendah.



**ANTARA** yang hadir semasa sesi Perjumpaan Mengenai Inisiatif Pendidikan Rendah bersama penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar.

## Pendaftaran program undangan luar negara dibukakan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dalam usaha untuk memperkemaskinikan dan mengumpul maklumat data-data penyertaan belia yang berhasrat untuk menyertai / menghadiri program-program undangan dari luar negara, buat kali ketiganya tahun ini mengalu-alu dan membukakan peluang-peluang penyertaan melalui pendaftaran pendahuluan kepada belia-belie yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun di seluruh negara.

Ini juga sebagai satu langkah persediaan awal bagi memudahkan jabatan ini memilih calon-calon belia yang berkelayakan berdasarkan kehendak / syarat program yang ditawarkan oleh pihak penganjur di luar negara bagi tempoh awal hingga ke penghujung tahun ini.

Penyertaan ini dibukakan kepada individu, belia-belie, persatuan, badan sukarelawan, penuntut-penuntut universiti / maktab / sekolah menengah, pegawai-pegawai kerajaan / sektor swasta dan peniaga-peniaga muda.

Borang pendaftaran dan maklumat lanjut bolehlah didapati di Bahagian Belia, Tingkat 3, JBS, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan pada hari dan waktu pejabat dibuka.

Borang hendaklah diisikan dengan lengkap dan dikembalikan tidak lewat 2 Mei 2015, hari Sabtu jam 4.00 petang.

Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada Dayang Hajah Noor Maslina binti Haji Sulaiman melalui talian +673 2381903 sambungan 1315.

## Penyeliaan jalan sempena Cuti-Cuti Tutong

**TUTONG**, Selasa, 24 Mac. - Sempena Festival Cuti-Cuti Tutong yang akan diadakan bermula pada 25 Mac hingga 29 Mac 2015, Daerah Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memaklumkan kepada orang ramai bahawa beberapa batang jalan akan diselia di kawasan-kawasan tertentu bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas semasa festival tersebut berlangsung.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan hari ini menjelaskan jalan-jalan yang akan diselia sepenuhnya itu ialah seperti:

- I. Jalan Enche Awang Spg No. 14 Jalan ke Petani.
- II. Jalan Enche Awang menuju Bangunan O.G Kompleks (Depan).
- III. Jalan Penyurat Haji Abu Bakar.
- IV. Jalan DS Pg Haji Abu Bakar.
- V. Jalan memasuki Bangunan Sri Aman Kompleks dan Bangunan Central Mall.
- VI. Jalan memasuki Bangunan Sri Aman Kompleks.
- VII. Jalan memasuki Bahagian Belakang Bangunan O.G Kompleks.

Manakala jalan-jalan yang dinyatakan di atas akan diselia pada tarikh dan masa seperti berikut:

- 27 Mac 2015: Bermula dari pukul 1.30 petang sehingga selesai.
- 28 Mac 2015: Bermula dari pukul 7.00 pagi sehingga selesai.
- 29 Mac 2015: Bermula dari pukul 7.00 pagi sehingga selesai.

Sehubungan itu, PDB mengingatkan kepada orang ramai supaya akan mengamalkan sikap memandu dengan berhati-hati dan bertimbang rasa bagi mengelakkan kemalangan yang tidak diinginkan berlaku.

# Kerepek pisang *trademark* Kampung Kapok

Oleh : Norlia Md. Zain  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**K**enali  
**N**egara  
**K**itani

**R**UANGAN Kenali Negara Kitani kali ini memaparkan sebuah kampung yang telah memenangi Anugerah Perak bagi Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014, iaitu Kampung Kapok yang terletak di Mukim Serasa.

Kampung Kapok merupakan sebuah kampung Mukim Serasa terletak di antara Bukit Tempayan Pisang dengan Laut Cina Selatan kira-kira 23 kilometer dari Bandar Seri Begawan dan empat kilometer dari Pekan Muara. Kampung-kampung yang terdapat di bawah Kampung Kapok adalah Kampung Kapok Kanan, Kampung Kapok Kiri, Kampung Pengalayan, Kampung Bukit Kebun dan Kampung Meragang.

Kampung ini diketuai oleh Awang Haji Marali bin Haji Ahmad, 57 tahun, sejak 28 Mei 2008. Kampung



SEBAHAGIAN daripada kerepek pisang dengan pelbagai perisa (atas dan bawah).



Kapok berkeluasan 1,241.01 hektar mempunyai 561 buah rumah dengan keramaian keseluruhan penduduknya sebanyak 4,337 penduduk terdiri daripada 2,266 lelaki dan 2,071 perempuan.

Kampung ini juga tidak terkecuali menerima pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti sekolah, masjid, elektrik, air,

jalan raya, telefon dan sebagainya.

Kampung ini juga terkenal dengan sebuah taman rekreasinya iaitu Taman Rekreasi Bukit Tempayan Pisang yang telah menerima banyak kunjungan orang ramai dari segenap lapisan masyarakat di negara ini dan tidak terkecuali para pelancong dari luar negeri.

Selain kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan, kampung ini juga terdapat sebuah pusat sumber yang terletak di rumah ketua kampung bagi menjana budaya membaca dalam kalangan penduduk kampung. Selain itu, terdapat juga sebuah stesen minyak dan kedai-kedai untuk kemudahan penduduknya.

#### ASAL NAMA KAMPUNG

Asal usul nama Kampung Kapok yang dituturkan oleh orang-orang tua adalah bermula dari sepon Pokok Kapok yang mempunyai saiz besar dan berbeza dari pohon Pokok Kapok yang berada sekelilingnya. Pada ketika itu, para penduduk di kawasan berkenaan mendapat faedah daripada



MASJID Kampung Kapok.

buah-buah Kapok untuk dijadikan bantal selain dari lumut. Perkataan Kapok itu juga diguna pakai oleh orang-orang yang sama ada berasal dari kawasan berkenaan mahupun mereka yang hendak pergi ke kawasan tersebut dengan menyatakan mereka 'dari Kapok' dan 'hendak pergi ke Kapok'. Maka dari situ, penggunaan nama Kapok terus melekat dan kampung tersebut dinamakan sebagai Kampung Kapok.

#### PRODUK

Kampung ini terkenal dengan produk kerepek pisang yang mempunyai enam rasa, iaitu rasa asli, durian, milo, jagung, pandan dan kopi.

Walau bagaimanapun, menurut Awang Haji Marali, kerepek pisang rasa kopi jarang dikeluarkan memandangkan sambutan yang kurang menggalakkan, namun penduduk kampung bersedia membuatnya jika ada tempahan daripada orang ramai.

Produk ini akan divariasikan lagi dengan beberapa corak dan rasa yang lebih menarik pada masa yang akan datang. Proses pembuatan produk pada masa kini semakin canggih dan moden. Justeru, penghasilan produk yang menggunakan mesin telah melipatgandakan hasil produk.

Dari segi pemasaran pula, para ahli melakukannya melalui jualan langsung, internet, menyertai ekspo, secara tempahan pelanggan dan sebagainya. Kaedah ini didapati memberikan pulangan hasil yang

cepat berbanding dengan jualan menggunakan kaedah menghantar ke kedai-kedai runcit.

Kehalalan dan kebersihan yang terjamin sepanjang pembuatan dan pembungkusan kerepek yang menarik telah menarik perhatian para pelanggan membuatkan produk ini menjadi sinonim bagi kampung ini.

Pembuatan kerepek pisang tersebut dilaksanakan di rumah ketua kampung dan dikendalikan oleh Biro Ekonomi dan Biro Wanita serta belia dan beliawanis dengan bilangan ahli 90 orang. Pembuatan produk ini adalah secara gotong-royong bagi menanamkan semangat kerjasama dan mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahlinya.

Mesyuarat Majlis Perundingan Kampung pada 22 April 2012 telah bersetuju menetapkan yuran sebanyak BND10.00 dikenakan bagi setiap ahli, sehingga terkumpulnya wang permulaan sebanyak BND 900.00. Maka dengan hasil kutipan yuran ahli-ahli itu telah dijadikan modal permulaan bagi menjalankan projek membuat kerepek pisang. Sumber bahan mentah pula diperolehi daripada tanaman penduduk kampung. Namun sekiranya tidak mencukupi, barulah para ahli akan cuba mencari bahan mentah di luar kawasan kampung.

Penyertaan penduduk kampung terhadap projek perekonomian MPK ini amat menggalakkan, yang mana ahli-ahlinya sepakat mempunyai pemikiran dan perubahan sikap ingin maju dan proaktif di dalam reka cipta produk kampung. Ini penting bagi menjana pendapatan dalam kalangan penduduk kampung.

Kesepakatan dan perpaduan yang dimiliki oleh penduduk kampung ini telah membuahkan hasil dengan memenangi Anugerah Perak bagi AKC Peringkat Kebangsaan Ke-3 Tahun 2014. Sikap saling memedulikan, tolong-menolong, tidak camah mata dan aktif dalam pelbagai aktiviti kampung juga membuatkan kampung ini bertambah makmur.

Ketua kampung yang ditemui turut melahirkan rasa syukur kerana mempunyai penduduk yang bersedia memberikan kerjasama apabila diperlukan dalam apa jua kegiatan dan aktiviti kampung ini.

Semoga kemakmuran dan kesepakatan yang dimiliki di kampung ini akan berkekalan terutama untuk generasi akan datang.



SEBAHAGIAN daripada tanaman pisang penduduk kampung.



JALAN masuk ke Taman Riadah Bukit Tempayan Pisang.



SEKOLAH Rendah Kapok.



## Program promosi kesihatan terus dipergiat



Laporan : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 23 Mac. - Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil perhatian serius terhadap isu kesihatan di mana antara lainnya telah dan akan terus mempergiatkan pelbagai aktiviti dan program promosi kesihatan serta menyediakan fasiliti-fasiliti kesihatan di komuniti bagi kemudahan orang ramai.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyatakan perkara itu pada ucapan penangguhan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Bangunan MMN, di sini.

Katanya, apa yang paling mustahak ialah kesedaran setiap individu itu sendiri untuk mengubah *mindset* dan sikap kepada mengamalkan cara hidup sihat. Obesiti atau kegemukan atau penyakit-penyakit tidak berjangkit sebenarnya dan telah terbukti boleh dicegah dan dikawal.

Yang Berhormat menjelaskan, ia memerlukan kita semua, lapisan masyarakat di negara ini yang benar-benar komited dan bersungguh-sungguh mendisiplinkan budaya cara hidup sihat setiap hari.

"Kita haruslah menyedari akan risiko-risikonya terhadap kesihatan dan impaknya kepada aktiviti kehidupan seharian yang boleh menjajaskan kerajaan, produktiviti,

pendapatan, kesejahteraan dan kualiti kehidupan," tambahnya.

Oleh yang demikian, kita dan setiap individu mestilah bertindak sekarang kerana jika tidak risiko dan akibat penyakit-penyakit yang tidak berjangkit tersebut akan terus menjadi bebanan yang bukan saja lebih dirasai oleh pesakit itu sendiri malahan kepada keluarga serta melibatkan kos penjagaan dan rawatan kesihatan dan sekali gus mendatangkan impak negatif terhadap perkembangan sosioekonomi negara.

Hal tersebut menurutnya adalah semata-mata bagi memastikan keadaan kesihatan sentiasa terjamin dan bagi pengesanan awal faktor-faktor risiko penyakit-penyakit yang tidak berjangkit dan untuk mendapatkan rawatan awal jika diperlukan sebelum ia menjadi semakin kronik dan kompleks.

Sehubungan itu, Yang Berhormat menyeru kepada orang ramai dan dalam kalangan pemimpin akar umbi bagi menggalakkan masyarakat setempat untuk datang mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan (*health screening*) bagi bersama-sama mendukung usaha dan memperkesakan lagi langkah-langkah pencegahan dan pengawalan penyakit-penyakit tidak berjangkit di negara ini.

"Isu kesihatan ini mesti kita tangani bersama dengan penuh keazaman dan komitmen oleh semua *stakeholders* sama ada agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, institusi pendidikan, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), pemimpin-pemimpin peringkat akar umbi, tidak terkecuali Ahli-ahli Yang Berhormat, malahan semua lapisan masyarakat dan bukan sahaja dipertanggungjawab semata-mata kepada Kementerian Kesihatan," tegas Yang Berhormat lagi.

Ini kerana kesihatan adalah satu nikmat yang sangat tinggi nilainya yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kita seharusnya sentiasa prihatin dan penuh bertanggungjawab tentang betapa pentingnya hal ehwal kesihatan kita, iaitu dengan mendisiplinkan diri kita sendiri, keluarga serta semua lapisan masyarakat dinegara ini supaya membudayakan amalan cara hidup sihat sebagai cara hidup seharian kita.

# MMN institusi dihormati



YANG Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 23 Mac. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) diingatkan supaya memartabatkan MMN selaku institusi yang dihormati dan menjadi forum perbincangan yang diharapkan mampu menghindari perkara remeh-temeh dan mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan negara.

Peringatan tersebut disuarakan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang bagi hari yang ke-13 di Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Di-Pertua MMN, mesej ini memberikan makna yang amat mendalam dan sewajarnya mendukung penuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang sikap mengubah, iaitu terhadap sikap

Laporan : Norliah Md. Zain  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

kita sendiri dan *mindset* kita ke arah kebaikan.

"Maka bertolak maksud tafsiran ini, saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya dapat membudayakan selaku Ahli-ahli Mesyuarat Negara untuk menangani tanggungjawab dan penggalak kepada pembangunan negara. Maka kita ubah *mindset* kita. Bertransformasilah kita, kalau boleh kita, siapa lagi kalau bukan sekarang, bila lagi?" ujar Yang Di-Pertua MMN.

Terdahulu, Yang Di-Pertua MMN berkata, MMN menuju ke arah kematangannya yang mana proses ini sememangnya mengambil masa.

Sepanjang permesyuaratan ujar Yang Di-Pertua MMN, dapat diperhatikan bahawa pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN ini dan pada sepanjang persidangan permesyuaratan - permesyuaratan yang lalu, Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin-pemimpin akar umbi sering membuat laungan-laungan atau pertanyaan-pertanyaan seperti bilakah?, kenapakah?

"Maka saya terpanggil untuk mengingatkan semua titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN pada tahun 2014 Masihi yang antara lain petikan titah tersebut ada menyentuh mengenai Ahli-ahli MMN supaya memartabatkan majlis ini selaku institusi yang dihormati dan menjadi forum perbincangan yang diharapkan yang mampu menghindari perkara remeh-temeh dan sebaliknya mengutamakan perkara-perkara besar untuk kebaikan semua lapisan rakyat dan negara," tegas Yang Berhormat.

## Lebih BND26 juta bagi Revitalisasi Kampong Ayer Fasa 2

Laporan : Norliah Md. Zain  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 23 Mac. - Sebanyak BND26.33 juta diperuntukkan bagi Revitalisasi Kampong Ayer Fasa 2, iaitu sebahagian daripada projek bagi Pelan Induk Bandar Seri Begawan.

Revitalisasi ini akan melibatkan seramai 548 penduduk yang terdiri daripada 135 keluarga, iaitu 129 dari Mukim Saba dan enam keluarga dari Mukim Peramu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menjelaskan perkara itu ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat berkata, Revitalisasi Kampong Ayer yang akan mengekalkan corak tradisi rumah Melayu Brunei dengan kemudahan moden seperti Sistem pembetulan, bekalan air, elektrik dan pencegahan kebakaran yang teratur; Menggunakan *modulator construction* dengan binaan yang ringan; Pembinaan kawasan aktiviti yang dapat menjana perkembangan industri yang kraf tangan Kampong Ayer; dan Manak taraf Surau Mukim Saba.

Status projek pada masa ini ujar Yang Berhormat, ialah menunggu untuk ditawarkan sambil menunggu langkah-langkah pemindahan para penduduk yang lain.

Yang Berhormat menjelaskan,

hasil banci atau *survey* yang dibuat ke atas penduduk yang terlibat dalam Fasa 2 Revitalisasi Kampong Ayer menunjukkan, daripada sejumlah 135 keluarga, setakat ini hanya ada 60 keluarga sahaja yang memilih untuk menyertai projek ini, iaitu kurang 50 peratus.

"Ada lagi 75 keluarga yang tidak memilih untuk menyertai projek ini. Hanya 60 keluarga itu sahaja yang sudah mengaku untuk tinggal di Kampong Ayer selebihnya itu tidak mahu menyertainya ataupun menunggu untuk memikirkannya pada masa yang sesuai," ujar Yang Berhormat.

Maka berdasarkan yang sedemikian itu, Yang Berhormat ragu-ragu untuk pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan melaatkan Rancangan Perumahan Negara ke Kampong Ayer buat masa ini, sehinggalah jelas kedudukan tujuan kita untuk meramaikan penduduk Kampong Ayer dengan menjadikannya perumahan yang selesa untuk didiami dan benar-benar menepati kehendak kita sebagai Revitalisasi Kampong Ayer.

Menyentuh mengenai Projek Pembangunan Semula Pusat Bandar, Yang Berhormat menjelaskan projek ini melibatkan 12 unit kedai di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddin dengan penglibatan daripada BEDB secara menggunakan kaedah Public Private Partnership (PPP), iaitu konsep kemajuannya dengan menggunakan *mixed development*



Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

*approach*, iaitu *commercial office space*, iaitu tempat rekreasi, tempat letak kereta dan lain-lain.

Yang Berhormat berkata, setelah pihak BEDB membuat simulasi komersial, didapati projek secara PPP bagi 12 unit kedai berkenaan kurang menarik dari segi pulangannya.

Kata Yang Berhormat, untuk mencari cara yang menarik itu dan seterusnya bagi membolehkan lebih ramai bakal pelabur yang berminat ialah dengan membangun semula dua buah unit kedai yang termasuk juga dua buah bangunan letak kereta supaya diserahkan kepada pihak *private developer* untuk pengurusan operasi.

# Majlis Santap Malam Rasmi raikan PM Thailand



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha sebelum Majlis Santap Malam Rasmi.

Oleh : Aimi Sani, Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor, Hamzah Mohiddin, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 25 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri,

Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha beserta rombongan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam sejurus sebelum berangkat meraikan Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha, dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha pada Majlis Santap Malam Rasmi.



PERDANA Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha menyampaikan ucapan balasnya pada Majlis Santap Malam Rasmi.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berangkat ke Majlis Santap Malam Rasmi meraikan Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha, dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha.



BERANGKAT sama pada Majlis Santap Malam Rasmi, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri mengabadikan gambar kenangan bersama Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Negara Brunei Darussalam untuk berkembang menjadi sebuah negara yang makmur dan aman yang juga merupakan pemimpin paling kanan dalam Komuniti ASEAN.

TYT seterusnya menyebarkan, Negara Brunei Darussalam dan Thailand berkongsi satu persamaan yang sangat luar biasa, iaitu kedua-dua negara dikurniakan dengan raja yang sentiasa dikasihinya rakyat dan negara.

Menurut TYT, persamaan yang signifikan ini telah menyumbang kepada hubungan sekian yang lama khususnya, minat peribadi baginda dalam meningkatkan ikatan persahabatan tulus di antara Thailand dan Negara Brunei Darussalam sejak

tiga dekad yang lalu.

Melalui lawatan, TYT berhasrat untuk terus meningkatkan lagi hubungan kedua-dua buah negara dalam semua aspek, demi kebaikan bersama rakyat dan perpaduan ASEAN.

"Seperti mana hubungan Thailand dan Negara Brunei Darussalam mara ke dekad keempat, saya melahirkan rasa teruja bahawa hasil lawatan ini telah meningkatkan kerjasama antara kedua-dua negara dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan, pelaburan, keselamatan dan pendidikan," ujar TYT.

TYT seterusnya menambah, penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Kerjasama Pertanian di antara kedua-dua negara akan mengukuhkan lagi keselamatan makanan untuk rakyat kedua-dua buah negara.

Dalam hal ini, TYT turut menegaskan komitmennya dalam menterjemahkan hasil lawatan ini sebagai hasil konkrit, untuk meningkatkan hubungan kepada tahap yang lebih tinggi.

Yang paling penting, bagi pihak Kerajaan Thailand dan rakyat Thai, TYT berharap agar Kebawah DYMM mengadakan Lawatan Rasmi ke Thailand dalam tempoh terdekat.

TYT mendoakan baginda dan kerabat diraja yang lain sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, kebahagiaan dan kejayaan yang berterusan.

Perdana Menteri Thailand dan isteri berada di negara ini dalam rangka Lawatan Rasmi selama dua hari.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berangkat bersama TYT Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan rombongan ke Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman.



JUGA berangkat ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.



**MENTERI** Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Orang ramai diseru agar memanfaatkan sebaik-baiknya apa jua aktiviti dan program promosi kesihatan, di samping menggunakan kemudahan-kemudahan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof berkata, kemudahan-kemudahan yang disediakan itu termasuklah seperti Perkhidmatan Klinik, Pemeriksaan Kesihatan (Health Screening Clinic) di semua pusat-pusat kesihatan di negara ini terutama bagi mereka yang berusia 40 tahun ke atas.

## Ahli bahasa sastera suntik semangat pentadbiran negara

Laporan : Noorati Hj. Abas  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**YANG** Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain berharap kumpulan ahli-ahli bahasa sastera dan kumpulan akar-akar umbi agar dapat diberi perhatian untuk memberikan apa yang patut kerana

# Manfaatkan program promosi kesihatan

Laporan : Noorati Hj. Abas  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Yang Berhormat berkata demikian pada ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari ke-13 di Dewan Bangunan MMN, di sini.

Menurutnya, hasil kajian Projek Pelan Induk Sistem dan Infrastruktur Kesihatan Negara Brunei Darussalam menunjukkan bahawa unjuran peruntukan kewangan bagi penjagaan kesihatan yang diperlukan dianggarkan akan meningkat daripada lingkungan BND380 juta setahun kepada lebih BND940 juta setahun dalam tempoh 20 tahun akan datang.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan jelasnya, telah pun menggariskan strategi sistem pendidikan kesihatan semasa mukadimah dalam pembentangan peruntukan Kementerian Kesihatan bagi Tahun 2015/2016 Masihi dalam menangani isu dan cabaran-cabaran kesihatan serta menyediakan hala tuju dan rangka kerja yang lebih teratur dan bersistem.

Seterusnya, Yang Berhormat mengongsikan hasil dapatan mengenai trend peningkatan penyakit tidak berjangkit seperti kanser, jantung, kencing manis (*diabetic*) dan *serebrovaskular* atau *stroke*, yang mana merupakan penyebab kematian utama di negara ini.

"Pada tahun 2013 Masihi, jumlah

mereka yang meninggal dunia akibat penyakit kronik, penyakit-penyakit tidak berjangkit ialah seramai 762 orang, iaitu 54.4 peratus kematian daripada jumlah keseluruhan kematian 1,400 orang di negara ini," jelas Yang Berhormat.

Ini katanya termasuklah juga penyakit buah pinggang yang merupakan komplikasi akibat penyakit-penyakit tidak berjangkit tersebut yang tidak terkawal.

Sementara faktor-faktor risiko yang menyebabkan penyakit tidak berjangkit termasuk penyakit buah pinggang telah terbukti dan tidak dapat dipertikaikan lagi di peringkat global. Seperti obesiti, pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang, kurang kegiatan fizikal dan merokok.

Jelasnya, salah satu faktor risiko yang paling membimbangkan ialah kadar obesiti yang telah meningkat kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Mengikut kaji selidik Global School Health Survey di negara kita baru-baru ini, kadar berat badan

berlebihan dan obesiti dalam kalangan penuntut-penuntut atau remaja yang berumur di antara 13 hingga 15 tahun ialah 36.1 peratus dan sekali gus kadar berat badan yang berlebihan obesiti yang tertinggi di rantau ASEAN.

Manakala hasil kaji selidik kebangsaan status kesihatan dan pemakanan pula menunjukkan bahawa kadar berat yang berlebihan dan obesiti dalam kalangan orang dewasa telah meningkat daripada 44.4 peratus pada tahun 1997 Masihi kepada 60.6 peratus pada tahun 2011 Masihi.

Yang Berhormat menegaskan, ia bukanlah sesuatu yang dapat dibanggakan dan amatlah merisaukan malah menyeru kita semua untuk mengambil tindakan segera dengan tegas dan serius dalam menangani cabaran-cabaran berkenaan.

Dari itu, Yang Berhormat mengingatkan pesakit-pesakit yang telah dikesan menghidap penyakit tidak berjangkit supaya mereka akan sentiasa mematuhi nasihat dan arahan profesional kesihatan, di samping mengamalkan cara hidup yang sihat secara berterusan.



Ini termasuklah juga memakan ubat yang secara teratur mengikut preskripsi yang diberikan oleh doktor kerana didapati seba dan mengambil ubat mengikut preskripsi.

Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan dan kadar ketahanan dalam penjagaan kesihatan itu, kita bukan sahaja bersama-sama merealisasikan visi Kementerian Kesihatan bersama 'Ke arah Warga Sihat' tetapi sekali gus mendukung mencapai Wawasan Negara 2035 Masihi.

## Kecilkan *hierarchy* bureaucracy bagi cepatkan keperluan rakyat

Laporan : Norliah Md. Zain  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar berkata, adalah perlu dan mustahak memperkecilkan *hierarchy* *bureaucracy* bagi mempercepatkan sesuatu keperluan rakyat.

Tambahnya, kelambatan kementerian dan jabatan-jabatan berkenaan mungkin disebabkan kekurangan pemahaman, komitmen dan dedikasi serta kecuaiannya daripada pegawai-pegawai dan pemimpin khususnya ketua bahagian dan juga kakitangan yang diamanahkan.

Perkara ini disuarakan oleh Yang



**YANG** Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar.

Berhormat ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang bagi hari yang ke-13 di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga melahirkan keprihatinan terhadap kelicinan pengurusan pentadbiran, pemantauan dan perhubungan di peringkat daerah, yang mana Yang Berhormat menyarankan supaya kedudukan pegawai daerah itu diiktiraf sebagai ketua daerah dan jabatan-jabatan dari kementerian lain di daerah tersebut di bawah pemantauan pegawai daerah.

"Ini untuk memastikan rancangan-rancangan pembangunan di peringkat daerah dapat dikongsi bersama bagi mengelakkan kerja-kerja *overlapping* dan konsep efisiensi dan keseragaman dapat berjalan dengan baik dan teratur," jelas Yang Berhormat.

Di bawah kuasa pegawai daerah, perlu diadakan permuakarahannya sekerap mungkin dalam kalangan ketua jabatan di daerah tersebut, di samping permuakarahannya pemimpin-pemimpin akar umbi selain dari penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung perlu juga diadakan.

Secara langsung, kata Yang Berhormat, penglibatan rakyat dalam proses pembangunan dapat dicapai secara bersama yang mana ini serupa dengan konsep Majlis

Mesyuarat Daerah yang pernah ditubuhkan pada tahun 1960-an.

Yang Berhormat dalam ucapannya melahirkan sukacita atas dasar baru pengambilan pekerja asing dan memperkenalkan pendekatan baharu proses mempercepatkan urusan perniagaan termasuk mengeluarkan lesen kepada peniaga-peniaga tempatan.

Dasar ini kata Yang Berhormat, akan dapat melahirkan ramai usahawan Melayu bumiputera yang memiliki perusahaan dan perniagaan sendiri.

Dalam Wawasan Negara 2035 ujar Yang Berhormat, salah satu keutamaan ialah memajukan sektor swasta bagi meningkatkan dan memartabatkan ekonomi memerlukan penglibatan rakyat dalam menggerak peluang-peluang yang ada di sektor berkenaan.

Mempelbagaikan ekonomi adalah salah satu mekanisme yang boleh meningkatkan ekonomi dari terus bergantung pada hasil minyak dan gas, kata Yang Berhormat.

"Kaola berpendapat industri pelancongan adalah salah satu sektor dan usaha yang boleh dikembangkan dan boleh menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat seperti yang pernah dijanjikan," ujarnya.

Untuk menjayakan industri pelancongan ini, kerjasama yang padu antara pihak kerajaan dan swasta hendaklah diwujudkan, tegas Yang Berhormat lagi.

# Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama masih diteliti

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menyedari dan mengakui bahawa, di samping Guru Umum, Guru Ugama juga turut memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik dan

membentuk generasi bangsa serta mencorak kemajuan negara pada masa hadapan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata, atas dasar itulah apabila Skim Perkhidmatan Perguruan, Kementerian Pendidikan diluluskan pada tahun 2008 Masihi, KHEU telah mengambil langkah proaktif merangka Kertas Cadangan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama dan menghadapkannya kepada pihak berkenaan pada tahun 2009 Masihi untuk penelitian dan ketetapan mengenainya.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, setelah penelitian pihak berkenaan, KHEU dikehendaki meneliti dan mengemas kini semula Kertas-Kertas Cadangan tersebut.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menyampaikan ucapan penangguhan dalam mengulas perkara yang disuarakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka

Dayang Hajah Zasia binti Sirin agar Skim Perkhidmatan Perguruan yang telah diperkenalkan di Kementerian Pendidikan dilaratkan kepada para guru dan pendidik yang ada di KHEU.

Oleh itu, jelas Yang Berhormat, KHEU melalui Jabatan Pengajian Islam telah meneliti dan mengemas kini semula Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama berkenaan dengan berpandukan kepada Skim Perkhidmatan Perguruan, Kementerian Pendidikan dengan beberapa pindaan telah dibuat mengikut kesesuaian dasar dan keperluan KHEU sendiri.

Menurut Yang Berhormat, skim itu telah dihadapkan semula kepada pihak yang berkenaan pada tahun 2012 Masihi dan KHEU telah dimaklumkan bahawa sehingga kini skim itu masih dalam proses penelitian lanjut oleh pihak-pihak yang berkenaan sebelum sebarang ketetapan dibuat mengenainya.

Yang Berhormat percaya pihak-pihak yang berkenaan akan membuat pertimbangan mengenainya memandangkan sumbangan tenaga pengajar di bawah KHEU tidak kurang pentingnya dalam memperkasa generasi bangsa, dengan demikian perkhidmatan perguruan secara menyeluruh, baik umum mahupun agama di institusi-

institusi pendidikan di negara ini dapat diselenggarakan.

"Jika Skim Perkhidmatan Perguruan, Kementerian Pendidikan telah diluluskan dan telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2008 Masihi yang lalu, maka kaola penuh berharap Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama juga akan dapat diluluskan dalam kadar masa yang tidak lama lagi, insyaaAllah," ujar Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, skim ini dihasratkan untuk menjana dan mendapatkan kepakaran serta kemahiran daripada tenaga-tenaga pengajar yang berkualiti tinggi dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu (ilmu duniawi dan ilmu ukhrawi), di samping menggalakkan mereka meningkatkan tahap akademik, memberikan peluang kenaikan pangkat, mengurangkan pergantungan pada tenaga-tenaga pengajar dari luar negara dan menyelaraskan ketidakseimbangan tangga gaji perkhidmatan guru yang ada sekarang.

Untuk makluman bersama, tambah Yang Berhormat, guru-guru agama pada masa ini sudah ramai yang berijazah yang diperolehi dari dalam dan luar negara, termasuk dari Universiti Al Azhar, Mesir, terutama dengan tertubuhnya Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

(KUPU SB).

"Ramai guru yang sebelumnya hanya memegang sijil-sijil dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kini telah berijazah dan malah ada yang meneruskan hingga ke peringkat Sarjana (MA) dan Doktor Falsafah. Ini satu kemajuan yang kita tidak terbayang sebelumnya," ujar Yang Berhormat.

## Jangan hanya mengharapkan bantuan tanpa berusaha



YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac.- Golongan-golongan yang mendapat bantuan dari pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan terutama bagi golongan yang masih berupaya dari sudut sihat tubuh badan, sihat mental dan fizikalnya dan masih mampu melakukan pekerjaan supaya dapat mengubah sikap mereka lebih positif dan tidak hanya mengharapkan bantuan tanpa berusaha dan berdikari.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin menekankan demikian pada ucapan penangguhan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN di Dewan Bangunan MMN.

Justeru itu, Yang Berhormat berharap ia bukan sahaja diletakkan atas kemampuan mereka semata-mata tetapi memerlukan pemikiran, penelitian dan strategi-strategi yang berkesan daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Menyentuh kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN mengenai pendekatan penyerapan positif *mindset* kepada rakyat, iaitu "penghijrahan *mindset* daripada semata-mata bergantung kepada bantuan kepada lebih berdikari dan berusaha" menurutnya titah tersebut adalah satu pandangan yang jauh dan bernas yang semestinya dijunjung tinggi.

"Alhamdulillah, kita juga mendengar penjelasan terperinci bagaimana pelaksanaan bantuan yang diberikan oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Majlis Ugama Islam dan agensi-agensi dalam kerajaan yang mana beberapa strategi juga telah dilakar oleh Jawatankuasa Khusus Menangani Isu Kemiskinan semata-mata dengan harapan golongan yang berkaitan akan terlepas daripada lingkaran kesempitan hidup dan kemiskinan," jelasnya.

Hal ini tambah Yang Berhormat kerana isu kemiskinan di negara ini adalah sebagai kemiskinan relatif tidak seperti keadaan kemiskinan di sesetengah negara lain.

"Kalau ini sudah menjadi dapatan atau *finding* dalam setiap kajian kemiskinan, maka memang perlu dicari jalan supaya ada perubahan sikap yang positif, bersemangat dan seterusnya berusaha dan berdikari," katanya.

Oleh itu, Yang Berhormat menjunjung tinggi titah baginda untuk menyerapkan *positive mindset* kepada rakyat supaya lebih matang bertindak selaras dengan tuntutan zaman. Perkara ini menjadi tanggungjawab semua pihak yang diberikan amanah sebagai pemimpin, pengurus, pentadbir dan seterusnya di semua peringkat untuk berkhidmat kepada rakyat dan penduduk dalam kategori peranan yang berbeza-beza.

## Menjana ilmu bagi meningkatkan ekonomi berasaskan pengetahuan



YANG Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac. - Negara perlu mempunyai keupayaan untuk memperolehi serta menjana ilmu pengetahuan bagi meningkatkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Ke arah itu, negara memerlukan modal insan yang berkualiti, berilmu dan berkemahiran yang akan menjadi penentu kesejahteraan masa depan kita yang membolehkan negara berupaya menyumbang nilai tambah yang tinggi dalam global *value change* dan perekonomian dunia yang akan membawa negara ke hadapan dan menyumbang kepada pembangunan kemanusiaan.

Pada ucapan penangguhan dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Bangunan MMN, Ahli MMN Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid seterusnya menyatakan bahawa kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan kapasiti modal insan.

Dengan tema Belanjawan 2015 / 2016, iaitu "Modal Insan

Laporan : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Berkualiti Mendukung Pembangunan Inklusif' dengan tumpuan pertama dalam memperkasa dan pendidikan latihan. Ia selaras dengan wawasan kita untuk dikenali sebagai negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

"Kita hendaklah meneruskan usaha untuk memberi motivasi dan harapan khususnya kepada golongan muda dan membekalkan mereka dengan kemahiran dan keperluan yang mencukupi untuk mencapainya," katanya.

Menyentuh mengenai pendidikan awal bagi kanak-kanak, Yang Berhormat berharap usaha akan diteruskan bagi menjadikan negara kita pusat kecemerlangan dalam pembelajaran dan pengajaran di peringkat prasekolah dan menekankan supaya kesejahteraan anak-anak sentiasa diberi perhatian untuk melindungi mereka daripada aktiviti-aktiviti yang berkemungkinan memberi kesan negatif selain inisiatif-inisiatif untuk menjadikan celik kewangan sebagai kemahiran hayat.

Dari itu, Yang Berhormat juga menekankan akan pentingnya menginstusikan usaha untuk meningkatkan produktiviti serta pembelajaran sepanjang hayat.

Sementara dalam pembangunan pula, Yang Berhormat menyarankan keusahawanan tempatan akan meningkatkan kemahiran dan profesionalisme mereka supaya dapat bersaing dalam negara dan serantau.

"Anak-anak tempatan tidak harus tercicir dan sudah patut diberi kesempatan untuk memenuhi peluang yang banyak dan jawatan yang penting di sektor industri yang menjadi nadi ekonomi negara. Perkara ini tidak patut dipandang sebelah mata sahaja tetapi perlu

dipantau dan dimuhasabah," tegasnya.

Yang Berhormat menambah, usaha untuk meningkatkan penglibatan dan pembangunan anak tempatan di sektor industri negara, ia wajar bermula dengan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan *government link companies* (GLC) dan anak-anak syarikat di bawahnya.

Oleh itu, usaha kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan modal insan bagi syarikat-syarikat GLC menurutnya hanya akan dapat dicapai dengan adanya perancangan penggantian *succession planning* dan program pembangunan kapasiti anak-anak tempatan yang mantap.

Maka peluang hendaklah juga diambil dalam pelaksanaan Major Government Procurement yang memerlukan kepakaran luar termasuk perkhidmatan-perkhidmatan perunding antaranya mengenal pasti jumlah pekerjaan anak tempatan yang akan diwujudkan; menjadikan pemindahan pengetahuan dan kepakaran yang akan diperolehi anak tempatan sebagai kriteria penting dan mengutamakan usaha sama dengan pengusaha atau perundingan tempatan.

"Negara juga sentiasa mengalu-alukan global *talents* dan kepakaran bertaraf dunia dalam membangun serta memajukan negara. Strategi ini terbukti berkesan berdasarkan pengalaman kita dan negara lain. Akan tetapi ia hendaklah dibuat dengan pendekatan yang seimbang kerana pembangunan sebenarnya ialah pembangunan orang kitani iaitu rakyat Brunei sendiri," ujarnya.

# Pembinaan masjid tertakluk keramaian jemaah



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata, hasrat untuk membina sebuah masjid bagi satu kampung telah pun ada sejak dulu lagi iaitu menginginkan setiap qariah (kampung) dapat menunaikan tuntutan fardu kifayah sembahyang berjemaah lima waktu.

"Namun kita kurang berkemampuan dan keupayaan kita terhad, akan tetapi usaha murni tersebut akan tetap diteruskan bagi kita menyediakan keperluan mengadakan bagi setiap kampung sebuah masjid," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, di Negara Brunei Darussalam mempunyai sebanyak 38 buah mukim dan setiap mukim sudah mempunyai masjid mukimnya sendiri dan Yang Berhormat difahamkan hanya tiga buah mukim yang dikenal pasti belum mempunyai masjid mukimnya, iaitu Mukim Sungai Kedayan, di Daerah Brunei dan Muara, Mukim Rambai, di Daerah Tutong dan Mukim Kuala Balai, di Daerah Belait.

Jelas Yang Berhormat, sesetengah mukim tersebut penduduknya semakin berkurangan dari semasa ke semasa akibat penghijrahan dan perpindahan ke tempat lain.

Mengenai fardu kifayah, jelas Yang Berhormat, jika sekiranya dalam sesebuah kampung itu, keseluruhan penduduk Islamnya tidak mendirikan sembahyang jemaah fardu sembahyang lima waktu, maka satu kampung itu akan menanggung dosa, namun jika ada satu sahaja di dalam kampung itu mendirikan sembahyang berjemaah lima waktu, maka gugurlah dosa kampung itu.

"Dalam hal ini, dalam keadaan

negara kita yang semakin meningkat kesedaran beragama, kaola percaya insyaaAllah, lebih dari satu keluarga yang berjemaah di setiap kampung. Walau bagaimanapun, adanya sembahyang berjemaah lima waktu di setiap masjid adalah menjadi satu jaminan bahawa kampung tersebut gugur fardu kifayahnya. Inilah yang dapat kaola fahami dari pendapat Al-Imam Al-Shafi'i," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga bersetuju mengenai pandangan supaya diberikan keutamaan oleh pihak kerajaan untuk membina masjid di kampung-kampung atau tempat-tempat yang sudah disediakan tapak tanah bagi membina masjid berbanding 'menguasai' atau membesarkan masjid-masjid yang sudah ada.

Walaupun bagaimanapun Yang Berhormat berpendapat perkara tersebut eloklah diserahkan kepada jabatan dan jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan untuk membuat penyelidikan dan kajian lanjut dari segala aspeknya, malah juga dari segi hukum syaraknya.

Menyentuh mengenai pandangan untuk mendahulukan masjid yang baharu untuk dibina berbanding dengan memperbaiki dan membesarkan masjid yang sudah

ada jelas Yang Berhormat lagi, perkara ini adalah sama-sama menjadi keutamaan dan ianya bergantung kepada kajian dan penyelidikan.

"Sebenarnya peruntukan untuk memperbaiki, memelihara dan memperbesarkan masjid jauh lebih kecil disediakan berbanding dengan membina masjid baharu. Tetapi memperbaiki yang dalam bahasa Inggerisnya *maintenance*, itu kadang-kadang perlu disegerakan bagi mengelakkan mudarat yang lebih besar kepada orang ramai," ujarnya.

Demikian juga pembesaran, tambah Yang Berhormat, perlu dilakukan segera kerana penghijrahan dan perpindahan penduduk yang ramai yang di luar jangkaan akibat kemajuan dan kesedaran beragama yang drastik berlaku di negara kita pada masa ini, Alhamdulillah kita bersyukur, tetapi



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

dalam masa yang sama kita juga terpaksa bersabar dan menimbang dengan saksama.

## Teruskan aktiviti pembangunan berhema

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Negara telah dapat mengekalkan momentumnya dengan meneruskan aktiviti pembangunan negara dengan amalan perbelanjaan secara berhema dengan tema 'Modal Insan Berkualiti Mendukung Pembangunan Inklusif'.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim berkata, empat fokus utama yang telah digariskan iaitu: Memperkasa pendidikan; Meningkatkan produktiviti; Merangsang kegiatan pelaburan; dan Meningkatkan kesejahteraan awam.

"Keempat-empat perkara ini diberikan tumpuan merupakan pilihan yang tepat dan kita berdoa mudah-mudahan perkara ini akan dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab serta berjaya," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, adalah diharapkan dengan transformasi pendidikan teknik dan vokasional, kesejahteraan penuntut-penuntut akan dapat ditingkatkan seperti pembinaan Asrama Penuntut Sekolah Vokasional Seria, Kuala Belait, menaikkan taraf infrastruktur bangunan sekolah-sekolah termasuk padang permainan.

Melalui kecekapan industri tenaga, energi industri, kompetensi *framework*, kata Yang Berhormat, kita mengharapkan akan lebih ramai belia akan mengambil peluang ini bagi memberikan sumbangan kepada pembangunan industri minyak dan gas yang menjadi nadi utama ekonomi negara.

"Bagi sektor swasta tentu akan merasa lega dengan pengurangan pengurangan kadar cukai pendapatan dengan tujuan untuk menggalakkan PKS negara ini berkembang maju. Maka kerana itu, dalam Dewan yang mulia ini dicadangkan sekali lagi supaya kemudahan pinjaman kewangan akan dipermudahkan dengan kadar keuntungan akan dapat dikurangkan menjadi dua peratus daripada empat peratus," ujar Yang Berhormat.

Untuk memastikan kesejahteraan



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

rakyat dan penduduk negara ini, tambah Yang Berhormat, diharapkan peruntukan BND70 juta Jabatan Kerja Raya akan dapat membaik pulih beberapa batang jalan raya di Daerah Brunei dan Muara yang memerlukan pembaikan.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan penghargaan kepada Kementerian Pembangunan kerana membuka ruang kepada ketua-ketua kampung bagi mengenal pasti penduduk yang ingin menetap dan tinggal di kampung masing-masing, melalui pendaftaran untuk dipertimbangkan mendapatkan Skim Perumahan Negara di kampung masing-masing.

Dengan yang demikian menurutnya, penduduk tidak akan berkurangan serta pembangunan kampung akan dapat ditingkatkan dan perkara ini sering disuarakan oleh sebahagian penduduk di negara ini.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai subsidi minyak dan gas yang perlu dikaji dan diberikan perhatian yang serius, kerana matlamat subsidi diberikan adalah kurnia Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khusus untuk rakyat dan penduduk negara ini.

"Kita tidak mahu kegiatan penyeludupan barangan subsidi ini masih berterusan, maka kerana itu semua agensi penguat kuasa hendaklah meningkatkan usaha pencegahan dan rondaan terutama sekali di kawasan yang dianggap berisiko tinggi," ujar Yang Berhormat.

## Tempat beribadat perlu ditingkatkan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Sebagai negara yang menjadikan agama Islam sebagai Agama Rasmi, tambahan lagi sebuah Negara Zikir, sebuah negara yang dihasratkan mempunyai rakyat yang teguh iman sudah tentu mengutamakan ciri-ciri keislaman yang begitu mantap dan berkonsepkan keislaman.

Oleh itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin menegaskan perlunya balai ibadat, surau dan masjid didirikan bukan sahaja di kampung di dalam bandar, bahkan kampung-kampung pedalaman.

Tambahnya, itulah amalan yang telah diamalkan di negara ini dengan membina masjid sebagai tempat beribadah dan menjadi lambang dan mercu tanda keislaman yang unggul di sebuah negara Islam itulah Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Terdahulu, Yang Berhormat menyatakan, beberapa perkara perlu dilihat secara dekat tentang keperluannya dengan membuat kajian yang lebih halus dan terperinci seawal-awal ke atasnya sebagai contoh, keperluan sebuah masjid di sesebuah kampung yang mempunyai penduduk yang ramai dan beragama Islam.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai keperluan

prasarana yang lain, seperti jalan raya yang menghubungkan Pekan Kuala Belait dengan Mukim Kuala Balai, tembok penghadang ombak di pantai Kuala Belait, Seria hingga ke Lumut dan Sungai Liang perlulah dilihat secara lebih dekat.

"Di samping kita melihat keadaan muka buminya di kawasan tersebut semakin menurun setahun ke setahun tanpa kita sedari dan menjadikan kerisauan bagi sesetengah penduduk yang diam demi keselamatan generasi kita yang akan datang yang tinggal di sepanjang pantai yang saya sebutkan di atas tadi," ujar Yang Berhormat.

Ke arah memperindahkan lagi suasana tebing Sungai Belait untuk jangka masa yang akan datang tambah Yang Berhormat, perancangan awal patut dibuat seperti yang difahamkan sudah ada pelan induknya.

"Sekarang kita pula perlu memikirkan bagaimana dan bila ia akan dilaksanakan termasuklah juga pembinaan tempat penurunan perahu nelayan yang telah sekian lama dinanti-nantikan yang pada masa ini dilihat tidak teratur mencemarkan kawasan yang kaola sebutkan tadi," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN pada hari Khamis, 5 Mac 2015 Masihi yang lalu, yang telah



YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

menitahkan supaya rakyat di negara ini menukar *mindset* supaya berusaha dan jangan mengharap bantuan semata-mata terhadap bantuan.

Titah tersebut, tambah Yang Berhormat, wajib disambut baik oleh segenap rakyat jelata di negara ini untuk berusaha dengan berbagai-bagai bentuk usaha seperti mengusahakan pertanian untuk sara diri, berniaga dan lain-lain yang sesuai dengan kemampuan kita.

Semua ini, selaku ahli pemikir, kata Yang Berhormat, perlu dilihat secara teliti bagaimana kita merealisasikan perkara ini secara berkesan dan terlaksana dengan jangan sampai terlepas pandang ataupun hanya melepaskan 'batuk di tangga' sedangkan hasilnya belum ada.

"Ketua negara menaruh harapan kepada kita dan rakyat penuh berharap kepada kita sedangkan di bahu kita terpikul tanggungjawab yang wajib kita tunaikan. Di negara ini kita ditanya oleh rakyat dan di akhirat kelak kita akan ditanyakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala," jelas Yang Berhormat.

# Mantapkan program basmi kemiskinan

Laporan : Norliah Md. Zain

Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac.** - Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digaong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman ingin melihat program-program pembasmian kemiskinan yang lebih mantap dengan perancangan-perancangan yang dapat terkawal hala tujunnya dengan mempunyai *score card*, yang dapat memantau perkembangan yang dapat dibanggakan bagi *role model* untuk menunjukkan jalan keluar daripada kemiskinan itu.

Yang Berhormat berkata, selama Negara Brunei Darussalam menghasilkan minyak beberapa puluh tahun yang lalu, jika tidak silap sudah tiga atau empat kali krisis penurunan harga minyak telah terjadi dan akhir sekali penurunan harga minyak pada tahun lepas 2014 Masihi.

"Ini sepatutnya sebagai petanda minyak itu akan menghadapi kekurangan pengeluarannya entah bila masa akan terjadinya. Memandangkan kekurangan sudah nyata memang akan terjadi, maka negara mestilah menerima akan hakikatnya," ujar Yang Berhormat ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang bagi hari yang ke-13 di Dewan Majlis, di sini.

Kita mestilah membuat perancangan dengan lebih bijaksana ujar Yang Berhormat, dengan menyemak semua sumber-sumber utama yang terdapat dalam negara yang dapat dijadikan hasil negara yang boleh diusahakan dan akan ada permintaan yang berdaya tahan dari luar negeri.

Yang Berhormat seterusnya berkata, demi menyokong syarikat swasta memperbanyakkan mengambil dan menggaji anak-anak tempatan agar mereka itu jangan tercicir daripada pengambilan kerja-kerja yang terdapat dalam



**YANG Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digaong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman.**

negara ini, sikap dan kecenderungan untuk bekerja di sektor awam hendaklah dihapuskan daripada minda mereka.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengalu-alukan untuk menyegerakan sistem pengangkutan yang mantap kerana dengan adanya sistem ini, ia akan dapat menggerakkan belia berpotensi untuk mengisikan kerja-kerja yang diperlukan oleh negara dan juga boleh menyokong lima sektor industri sektor perindustrian iaitu industri perdagangan, pemborongan, peruncitan, perhotelan, restoran, kedai kopi, pengangkutan, penyimpanan, perhubungan, perkhidmatan sosial, perkhidmatan masyarakat, persendirian dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perundangan yang memerlukan banyak pergerakan mudah bagi sampai ke tempat-tempat kerja pada masa yang tepat dengan waktu-waktu bekerja.

Dengan bebasnya pergerakan mereka itu, kata Yang Berhormat, dapatlah memenuhi hasrat industri-industri itu untuk mengisikan jawatan-jawatan yang penting dari segi pengendalian kerja-kerja yang memerlukan *complete work floor* yang berkesan untuk menguruskan pengurusan perjalanan perniagaan harian mereka.

"Di sinilah perlu peralihan *mindset* orang-orang tempatan yang bakal mengisikan kerja-kerja di sektor swasta. Saya berdoa perubahan *mindset* orang-orang kitani terhadap bekerja di sektor-sektor swasta akan tercapai. Amin Ya Rabbal alameen," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai cadangan untuk memperkembangkan kegiatan sukan terutama sekali bola sepak bagi pemuda Brunei yang tidak bekerja atau dikatakan tercicir dari hal ehwal kelayakan belajar akademik.

Ujar Yang Berhormat, kepandaian bola sepak boleh dilatih dari Youth Academy dan selepas itu jika mereka telah mempunyai pekerjaan bolehlah diambil sebagai pemain bola semi profesional sepenuhnya.

Jika negara kita kata Yang Berhormat, dapat membuat satu Liga Profesional Bola Sepak yang dijangka mengandungi 20 pasukan yang dibantu penubuhannya, kewangannya, organisasinya, ini tentu dapat memberi hasil mata pencarian kepada kira-kira 600 pemain bola sepak dan 200 pegawai kelab bola sepak.

Ini belum lagi termasuk bagi mengadakan perlawanan mingguan, kerja personal dan mengadakan tempat orang awam berhibur kerana ia akan dapat menaikkan



perekonomian perusahaan kecil dan sederhana dengan kawalan bersistem serta berhemah.

"Jangkaan ini baharu dari peringkat permulaan. Jika kita dapat menjalankan liga yang lebih teratur, berstrategik tinggi, jangkaan harian akan apabila persatuan-persatuan bola sepak di Brunei akan dapat bertanding ke peringkat yang lebih tinggi di luar negara bagi mewakili negara kita. Besar kemungkinan pemain-pemain yang menyerlah dalam pasukan Brunei itu mungkin akan terpilih dalam pasukan profesional yang bertaraf dunia," kata Yang Berhormat.

## Review strategi, pelan tindakan, prosedur kurang berkesan

Laporan : Norliah Md. Zain

Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac.** - Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman menyokong seruan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa terdapatnya keperluan mereview mana-mana strategi, pelan tindakan, prosedur dan juga perundangan yang selama ini kurang berkesan dalam menangani masalah-masalah yang hendak diselesaikan sebelum negara menghadapi keadaan yang lebih mendesak.

Perkara ini disuarakan oleh Yang Berhormat ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang bagi hari yang ke-13 di Dewan Majlis, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, daripada perbincangan yang telah dijalankan, walaupun tahun ini negara menghadapi *deficit* dan kerajaan mengamalkan sikap berjaminat cermat, kerajaan masih berupaya meneruskan trend perbelanjaan yang dijalankan selama ini terutama untuk meneruskan perbelanjaan dalam pembangunan infrastruktur dan membantu sektor swasta untuk berkembang.

Perbelanjaan sedemikian mustahak ujar Yang Berhormat, kerana selain industri gas dan minyak, ekonomi negara kita



**YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.**

merupakan *government driven economy*.

Kalau kerajaan tidak berupaya untuk meneruskan perbelanjaan-perbelanjaan yang diperlukan, tegas Yang Berhormat, maka negara tidak akan dapat memberangsang sektor swasta yang lain.

"Dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, apa yang penting ialah bagi agensi-agensi kerajaan untuk lebih produktif dan membuat perubahan minda, mengamalkan sikap seperti peribahasa Inggeris *business as usual* atau *if it is not broken don't fix it*," jelas Yang Berhormat.

## Kurang selesa ketiadaan Ketua Kampung

Laporan : Norliah Md. Zain

Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**YANG Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking.**

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Mac.** - Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking berkata, sebahagian anak-anak buah kampung yang ditemui melahirkan rasa kurang selesa dengan ketiadaan ketua kampung di kampung mereka, dan merasa seolah-olah sebagai anak-anak ayam kehilangan induk atau ibu.

Kalau pun ada, hanya bagi mengganti sementara secara bersilih ganti di kampung-kampung lain.

Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat ketika menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas MMN yang bersidang bagi hari yang ke-13 di Dewan Majlis di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sebelum menggunakan sistem bercalon dan undian, jawatan

ini diisi dan dilantik terus daripada pihak-pihak yang berkenaan, di mana lazimnya mereka yang dilantik adalah terdiri daripada kalangan pegawai-pegawai kerajaan yang telah bersara, termasuklah pesara polis dan askar. Yang Berhormat berpendapat bahawa sistem ini masih boleh dipakai, kerana ia adalah salah satu cara keluar daripada kemelut yang berpanjangan dan berlanjutan.

Setakat yang kita ketahui ujar Yang Berhormat, ada sebahagian kampung sudah bertahun-tahun tidak mempunyai ketua kampung, seolah-olah menunjukkan tiada seorang pun daripada penduduk setempat yang layak menjawab jawatan tersebut.

Mengikut keadaan sekarang jelas Yang Berhormat, adalah mustahil tidak ada penduduk setempat yang berwibawa, jika ia dilantik oleh pihak tertentu bagi menjalankan tugas-tugas penghulu ataupun ketua kampung.

Yang Berhormat dalam ucapannya mencadangkan, supaya pihak yang berkenaan akan berusaha dan menggunakan pepatah atau pesan orang tua-tua 'Tidak ada rotan, akar pun boleh guna', insyaaAllah masalah akan selesai dan tidak ada anak-anak kampung merungut lagi.

Yang Berhormat berkata, setakat yang diketahui setiap kampung itu ada Jawatankuasa Mukim yang telah dilantik dan dipilih oleh penduduk kampung yang berfungsi bagi membantu penghulu ataupun ketua kampung bagi menyelesaikan masalah masing-masing.

Antara mereka ini ujar Yang Berhormat, tentu ada yang berwibawa atau memiliki sifat-sifat kepimpinan dan bertanggungjawab, kalau tidak masakan mereka dipilih atau dilantik seperti Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Penolong Setiausaha.

Kebanyakan mereka dalam kalangan Jawatankuasa Kampung atau Mukim adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, kata Yang Berhormat.

Oleh itu, apabila penghulu ataupun ketua kampung bercuti, ujar Yang Berhormat, salah seorang Jawatankuasa Kampung atau Mukim hendaklah dilantik bagi menjalankan tugas atau memangku sementara dalam masa percutian penghulu ataupun ketua kampung itu, kerana jawatan ketua kampung, penghulu dikategorikan sebagai salah seorang pegawai kerajaan.

Dengan cara ini kata Yang Berhormat, secara tidak langsung Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melatih bakal-bakal ketua kampung ataupun bakal penghulu dan secara automatik mereka yang dilantik ini akan menjadi ketua kampung ataupun penghulu apabila tiba masanya.

Dalam mengatasi masalah jawatan ketua kampung dan penghulu ini, kata Yang Berhormat, majlis mencadangkan supaya kedua-dua sistem boleh dipakai iaitu sistem bercalon dan berundi jika sesuai dan perlu dan sistem melantik terus dalam kalangan mereka yang memangku dan telah pernah dilantik dan difikirkan oleh pihak yang berkenaan.

# Pindaan Garis Panduan Pembinaan Masjid diluluskan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman berkata, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam sidangannya baru-baru ini telah meluluskan sebuah garis panduan pembinaan masjid yang dinamakan 'Garis Panduan Pembinaan Masjid Pindaan Tahun 2014 Masihi'.

Jelas Yang Berhormat, garis panduan ini adalah pindaan Garis

Panduan Pembinaan Masjid sebelumnya yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 21 Ogos 1991 Masihi.

Demikian jelas Yang Berhormat dalam ucapan penangguhannya dalam mengulas ataupun memberikan pencerahan yang disentuh oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengenai pentingnya membina masjid sejajar dengan tuntutan hukum syara' dan kepentingan syiar Islam.

"Garis panduan pembinaan masjid pindaan yang baharu ini. Kaola kira adalah lebih halus lagi dari segi syara' dan lain-lain keperluan dan kesempurnaan bagi pembinaan sesebuah masjid. Garis Panduan inilah yang akan diguna pakai bagi pembinaan masjid-masjid baharu yang akan datang di negara kita," ujar Yang Berhormat pada

Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat, Garis Panduan ini juga telah disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan telah mendapat perkenan baginda pada 26 Januari 2015 Masihi.

Menurutnya, pembinaan masjid adalah terpikul di bahu Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk sentiasa membuat pemantauan dan penelitian dari semasa ke semasa bagi mana-mana pembinaan masjid-masjid baharu akan datang.

"Garis panduan pindaan yang baharu ini telah menyenaraikan segala keperluan yang mesti diikuti dan dipatuhi dalam merancang dan membina sebuah masjid yang baharu sesuai dengan kedudukan tempat di mana sesebuah masjid itu dibina

misalnya di bandar atau di pedalaman yang mana keperluannya tentulah ada yang sama dan ada yang berbeza," tambah Yang Berhormat.

Secara umumnya, jelas Yang Berhormat, dengan perkembangan dan peredaran masa keperluan yang disenaraikan antaranya ialah mengadakan bilik kuliah, dewan perhimpunan, bilik pengurusan jenazah, letak kereta dan sebagainya dan reka bentuknya pula, hendaklah menepati seni bina Islam dan mempunyai unsur-unsur kebruneian dan mampu menambat hati umat Islam serta menjadi syiar dan mercu tanda utama negara.

"Kapasiti bangunan masjid, mestilah dianggarkan mampu menampung penduduknya yang beragama Islam dalam jangka masa panjang dengan turut disediakan keluasan yang berpatutan bagi para jemaah dan memberi kemudahan bagi *future expansion* jika diperlukan di kemudian hari.



**YANG Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.**



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.**

Mengambil kira hal-hal yang telah disebutkan tadi, insyaaAllah masjid akan turut menyerlahkan lagi syiar Islam di negara kita sebagai sebuah Negara Zikir," tegas Yang Berhormat.

Sudah tentu dengan adanya garis panduan tersebut tambah Yang Berhormat, anggaran kos peruntukan bagi pembinaan sesebuah masjid secara kasarnya akan meningkat dan ini memerlukan perundingan dengan pihak-pihak yang lebih berautoriti yang melihat maslahat umum negara.

"Kita sebagai sebuah negara Islam, berharap agar perancangan pembinaan masjid bukan hanya umpama sekadar melepaskan 'batuk di tangga', tetapi pembinaannya betul-betul dapat melahirkan rasa

kecintaan dan keimanan kepada setiap jemaah yang melihat dan menunaikan sembahyang di dalamnya," ujar Yang Berhormat lagi.

## Jalan Penghubung pacu perkembangan Daerah Temburong

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Penghubungan antara Daerah Temburong dengan ibu negara akan terwujud, iaitu dijangka siap pada tahun 2018 yang sudah setentunya nanti akan merencanakan lagi pembangunan di Daerah Temburong serta sangat mengembirakan rakyat dan penduduk di daerah ini khasnya dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam amnya.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad berkata, kewujudan Jalan Penghubung ini akan memacu serta mempercepatkan kemajuan dan perkembangan Daerah Temburong dalam semua aspek.

Demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN), berlangsung di Dewan Majlis, di sini, dengan menyambut baik perkhbaran mengenai beberapa perancangan pembangunan dalam konteks pembangunan prasarana dan kemudahan awam dan infrastruktur asas yang nantinya mengubah landskap Daerah Temburong.

Menurut Yang Berhormat, antaranya ialah menaik taraf Pos Kawalan Labu dengan peruntukan BND6 juta dan pembinaan Terminal Bas di Pekan Bangar.

Di peringkat akar umbi, tambah Yang Berhormat, perkara yang sangat menarik perhatian ialah peruntukan berjumlah BND700 ribu bagi aktiviti Majlis Perundingan Mukim dan BND630 ribu bagi aktiviti Mukim dan Majlis Perundingan Kampung yang membawa jumlah BND1.3 juta.

Di bidang pendidikan, ujarnya, antara projek yang menarik perhatian dan sangat dinantikan ialah pembinaan bangunan baharu bagi Sekolah Menengah

Hasan Pekan Bangar yang merupakan satu-satunya sekolah menengah di Daerah Temburong yang dijangka siap awal tahun 2018.

"Seterusnya usaha Kementerian Pendidikan untuk memberi peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran teknikal pada pelajar-pelajar lepasan 'O' Level yang tidak dapat melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi merupakan berita yang mengembirakan pelajar-pelajar berkenaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, dalam aspek pembangunan warga insan skim-skim latihan kemahiran kepada belia yang sentiasa ditambah nilai seharusnya mendapat respons yang positif dan sangat menggalakkan dari semua pihak.

"Begitu juga halnya dengan kebajikan dan kesejahteraan guru-guru dan tenaga pengajar yang datangnya dari luar Daerah Temburong iaitu mereka yang bertugas di Daerah Temburong akan sentiasa diberi perhatian bagi memastikan mereka benar-benar bersedia untuk melaksanakan tugas sebagai pendidik anak bangsa," tambahnya.

Dalam pada itu, kata Yang Berhormat, usaha-usaha pihak-pihak yang bertanggungjawab di Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk memajukan perindustrian dan memberi keutamaan kepada bidang keusahawanan yang dilihat sangat berpotensi relevan dan penting sangatlah disambut baik dan bidang pelancongan turut diberi perhatian dengan menambah nilai kemudahan dan prasarana serta persekitaran yang selesa dan selamat.

Begitu juga halnya, tambah Yang Berhormat, dengan keperluan-keperluan dalam mengembang-majukan pertanian luar bandar dan seterusnya menggalakkan



**YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.**

ladang-ladang tanaman berkelompok di mana semua usaha ini akan membantu perkembangan aktiviti perekonomian dan menyumbang kepada pendapatan negara.

"Aspek kesihatan warga juga diberi perhatian yang serius oleh Kementerian Kesihatan dengan berbagai-bagai perancangan yang telah sedang dan akan dilaksanakan," ujar Yang Berhormat.

Begitu juga halnya dalam bidang yang lain termasuklah aspek keselamatan, tambah Yang Berhormat, diharap semua yang telah dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya seperti yang dijadualkan.

Yang Berhormat seterusnya menyumbangkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan baginda dengan adanya pembinaan bangunan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) di Daerah Temburong dan akan menyusul nanti ialah projek Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan perancangan yang melibatkan Daerah Temburong.

## DST, PCSB perlu tingkatkan perkhidmatan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hamzah Mohiddin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 23 Mac. - Perkhidmatan DST dan Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB) perlu ditingkatkan di semua pelusuk negara, agar semua penduduk sama ada di bandar dan luar bandar menggunakan perkhidmatan ini sepenuhnya.

Demikian saranan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim semasa menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesebelas Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan MMN, di sini.

Terdahulu Yang Berhormat berkata, sistem perhubungan negara yang mantap lagi efisien perlu ditingkatkan dalam semua aspek.

"Jalur lebar yang sedang dilaksanakan akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik seperti yang kita harapkan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, banyak perkara yang disebut dan diulang-ulang terutama sekali permohonan dan permintaan seperti: Infrastruktur; kemudahan awam; jalan raya; dan pembinaan bangunan masjid, sekolah, jambatan dan seumpamanya kerana perkara ini sama ada belum mendapat peruntukan atau belum dilaksanakan sebagai contoh bencana alam tanah susur, telah dihadapi kepada beberapa agensi dan belum mengetahui hasilnya sama ada dibantu ataupun tidak.

Untuk perhatian kita semua, kata Yang Berhormat, tanah susur yang menimpa ke atas rumah mangsa lebih



**YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.**

rumit ditangani daripada mangsa banjir dan mangsa terpaksa membuat pembersihan dan membuang tanah tersebut yang berada di belakang rumah mereka ataupun di hadapan rumah mengambil masa berbulan-bulan, malah juga mengambil masa bertahun-tahun.

Apa yang diharapkan, tambah Yang Berhormat, apa jua perkara yang belum dibuat atau dilaksanakan akan dapat diberikan bantuan selayaknya, dan sekali lagi dipohonkan supaya peruntukan bagi tanah susur akan dapat dihulurkan.

"Perkara rutin dan sangat mudah dibuat akan menjadi rumit dan kompleks, jika kurang mendapat perhatian. Maka, kerana itu akan terpaksa dibawa ke dewan yang mulia ini demi kepentingan masyarakat yang abis kaola wakili," ujar Yang Berhormat lagi.

# Keindahan Islam tambat hati wanita dari Sipitang, Sabah



DAYANG Nur Siti Balqis Az-Zahra binti Abdullah Salimin semasa melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan pegawai pengislaman dari Pusat Da'wah Islamiah.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

TUTONG, Khamis, 19 Mac - Jumlah saudara baru di negara ini kian berkembang dan meningkat dengan bertambahnya lagi saudara baru yang memeluk agama Islam di negara ini.

Sehubungan itu, seorang perempuan berbangsa Murut telah melafazkan dua kalimah syahadah dan ikrar pengislaman sebagai pegangan hidupnya pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong.

Filexcity @ Angud binti Saliman, 35 tahun yang berasal dari Sepitang Sabah melafazkan ikrar syahadahnya di hadapan pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara Baru, PDI, Dayang Hajah Wadianaty binti Abdullah.

Beliau yang kini dikenali dengan

nama Islamnya sebagai Dayang Nur Siti Balqis Az-Zahra binti Abdullah Salimin melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala



ANTARA saudara dan kenalan terdekat yang menghadiri Majlis Pengislaman bagi Dayang Nur Siti Balqis Az-Zahra binti Abdullah Salimin.

kerana diberi hidayah serta dibukakan hati untuk memeluk agama Islam yang suci itu yang dihasratkannya sudah sekian lama.

"Saya telah temui agama yang berasaskan kedamaian, keikhlasan dan kehormatan, agama Islam merupakan agama yang banyak keistimewaan dan saya berhasrat untuk mempelajari kewajipan Rukun Islam seperti sembahyang lima waktu, puasa dan sebagainya," terangnya yang sudah bekerja dan tinggal di negara ini hampir tujuh tahun.

Sementara itu, Pegawai Unit Pengislaman PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong, Awang Alizan bin Haji Ramli menerangkan bahawa selepas pengislaman tersebut Dayang Nur Siti Balqis Az-Zahra binti Abdullah Salimin akan menjalani kursus intensif selama 10 hari bagi meningkatkan dan menerapkan lagi kefahaman yang mendalam mengenai agama yang baru dipeliharinya ini.

Menurut rekod yang dicatatkan oleh PDI, setakat ini seramai 17 orang memeluk agama Islam di Daerah Tutong sejak Januari 2015.

## Awang Fhairulidzwan terima nur Islam



AWANG Fhairulidzwan anak Burut melafazkan ikrar syahadahnya di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah, Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

BERAKAS, Ahad, 22 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah diisytihar sebagai Negara Zikir yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya dengan pegangan menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Dengan kedatangan seorang lagi saudara baru yang memeluk agama Islam akan menambah jumlah umat Islam di negara ini yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai akhlak mulia dan meningkatkan pelbagai syiar Islam.

Pada majlis yang berlangsung di kediaman Pengiran Mohd. Tejuddin bin Pengiran Apong di Kampung Perpindahan Lambak Kanan, di sini, seorang lelaki berbangsa Bisaya telah melafazkan ikrar pengislamannya di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Daerah Brunei dan Muara.

Fhairulidzwan anak Burut memilih nama Islamnya dan kini dikenali sebagai Awang Fhairulidzwan bin Burut.

Dalam temu bual bersama PELITA BRUNEI, Awang Fhairulidzwan menjelaskan hasrat untuk memeluk agama suci ini lahir dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya ditambah lagi dengan dorongan dan tunjuk ajar dari keluarganya yang terdahulu memeluk agama Islam dan tinggal bersama-sama mereka, beliau juga sedikit sebanyak sudah tertarik dengan Islam itu sendiri dengan belajar puasa dan menunaikan solat.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara baru yang diraikan.

Dari bulan Januari hingga Disember 2014, keramaian saudara baru yang memeluk Islam seluruh negara dicatatkan seramai 585 orang, sementara jumlah yang dicatatkan bagi Daerah Brunei dan Muara bagi bulan Januari 2015 sahaja adalah seramai 24 orang.

# Brunei sertai Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an di Jakarta



DUA peserta Brunei, Ustaz Muhammad Fikri bin Haji Sharbini dan Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohd. Hamzani bersama ketua rombongan dan pembimbing sebelum bertolak ke Republik Indonesia menyertai Pertandingan Menghafaz Al-Qur'an.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 22 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah menghantar satu rombongan untuk menyertai Pertandingan 'The Annual Prince Sultan bin Abdul Aziz Competition On The Memorization Of The Holy Quran and The Sunnah For ASEAN and Asia Pacific Countries' yang akan diadakan di Jakarta, Republik Indonesia pada 25 hingga 26 Mac 2015.

Rombongan negara diwakili oleh Tenaga Pengajar dan Penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB), iaitu Awang Muhammad Fikri bin Haji Sharbini dan Awang Muhammad Hazri bin Haji Mohd. Hamzani dengan diketuai dan

diiringi oleh Awang Adi Nuriman bin Pengarah Haji Abdullah dan Awang Haji Ubaidillah Al-Hafiz bin Haji Abdul Mughni, selaku pembimbing.

Awang Muhammad Hazri ketika ditemui oleh PELITA BRUNEI berkata, beliau pernah mewakili negara ke Pertandingan Antarabangsa Kerajaan Hasyimiah bagi Lelaki Kali Ke-21 bagi Menghafaz, Membaca dan Mentafsir Al-Qur'an di Amman, Jordan pada tahun 2013 dan telah mendapat tempat ketiga dalam Kategori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an.

Seperti pertandingan yang sebelumnya, beliau juga mempersiapkan diri dengan membuat latihan setiap kali

selepas selesai sembahyang fardu, selain mendapat bantuan daripada tenaga-tenaga pengajar di sekolah dan ibunya sendiri yang juga merupakan seorang guru di salah sebuah sekolah di negara ini.

Awang Muhammad Hazri akan menyertai Kategori Menghafaz 15 Juz Al-Qur'an, sementara itu, Awang Muhammad Fikri bin Haji Sharbini pula akan menyertai Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an.

Penyertaan negara pada pertandingan tahun ini diharap akan dapat memberi galakan dan pendedahan kepada para peserta sebagai motivasi ke arah mencapai prestasi yang lebih meningkat dalam bidang Hafazan Al-Qur'an pada masa akan datang.

## Al-Muflihuun dan Al-Asyeyqin juara Pertandingan Tausyeh ITB



NAIB Canselor Institut Teknologi Brunei, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman menyampaikan hadiah kepada johan pertandingan Kategori Muslimah yang diraih oleh Kumpulan 'Al-Asyeyqin'.

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman, Syirain Affi  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU, Sabtu, 21 Mac. - Kumpulan Tausyeh Al-Muflihuun yang membawa lagu 'Ramadhan' dan Al-Asyeyqin dengan lagunya 'Jahid Fillah' masing-masing muncul johan bagi Kategori Muslimin dan Kategori Muslimah pada Pertandingan Tausyeh Institut Teknologi Brunei (ITB).

Naib johan Kategori Muslimin diraih oleh Ikhwanul Hadi, manakala Al-Wafa memenangi Kategori Muslimah, sementara Halawatul Iman dan Uzma Wadi'ah masing-masing menduduki tempat ketiga bagi Kategori Muslimin dan Muslimah.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Pertandingan yang diadakan di dewan legar ITB itu dianjurkan bersama oleh Kelab Dikir Nasyid Tausyeh 2015 ITB dan Komiti Eksekutif Keagamaan dan Kerohanian Majlis Perwakilan Pelajar ITB dan Unit Keagamaan institut tersebut.

Antara tujuan pertandingan diadakan ialah bagi mencari dan memilih bakat-bakat dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi ITB dalam Seni Kebudayaan dan Keislaman.

## Hubungan Brunei - Bangladesh terus kukuh



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina Wajed bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina Wajed bersempena dengan Sambutan Hari Kemerdekaan Republik Rakyat Bangladesh.

Di dalam perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik Rakyat Bangladesh, TYT Md. Abdul Hamid, baginda sangat menghargai persahabatan mesra serta kerjasama di antara kedua-dua buah negara dan baginda yakin bahawa pertalian ini akan terus diperkukuhkan di tahun-tahun akan datang.

Sementara itu, di dalam perutusan Kebawah DYMM kepada Perdana

Menteri Republik Rakyat Bangladesh, PYT Sheikh Hasina Wajed baginda menitahkan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh terus menikmati hubungan mesra yang sudah lama terjalin dan baginda berharap untuk meneruskan kerja bersama PYT untuk mengukuhkan lagi talian dua hala yang amat bernilai itu serta rakan perkongsian di dalam forum-forum antarabangsa.

Pada mengakhiri perutusan-perutusan tersebut, baginda berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Presiden Republik Rakyat Bangladesh, TYT Md. Abdul Hamid dan Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, PYT Sheikh Hasina Wajed akan terus berada dalam keadaan sihat walafiat dan bahagia serta rakyat Republik Rakyat Bangladesh akan beroleh kemajuan dan kemakmuran.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat Bangladesh, TYT Abul Hassan Mahmood Ali, kerajaan dan rakyat Republik Rakyat Bangladesh bersempena dengan Hari Kemerdekaan republik tersebut.

Dalam perutusan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia melahirkan perasaan gembira bertemu dengan TYT di Persidangan Menentang Pelanun di Dubai pada tahun lepas.

Pada masa yang sama, DYT sangat menghargai persahabatan dan kerjasama yang dikongsi oleh rakyat kedua-dua buah negara di tahun-tahun yang lalu, terutama sumbangan rakyat Bangladesh dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

DYTM berharap untuk terus mengukuhkan hubungan dua hala dan kerjasama antarabangsa serta bergembira menyambut perayaan tersebut.

## Thailand rakan penting wujudkan sekuriti makanan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam sejurus sebelum berangkat meraihan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha pada Majlis Santap Malam Rasmi.

### Dari muka 1

Baginda mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Thailand atas sokongan yang berterusan dalam perkara ini.

Baginda juga percaya bahawa Thailand akan terus menjadi rakan kongsi yang berharga, terutamanya dalam sama-sama berusaha ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pertanian yang ditandatangani hari ini, titah baginda, akan menjadi alat yang berharga untuk terus maju ke hadapan.

Baginda menggesa agar para pegawai kedua-dua buah negara menggunakan sepenuhnya mekanisme itu dengan berkongsi kepakaran dan pengalaman, selain memperluaskan kerja di bidang lain seperti perikanan dan akuakultur.

Baginda juga gembira melihat minat yang ditunjukkan oleh Thailand dalam industri makanan halal dan berharap bahawa perbincangan awal ini akan membawa kepada lebih banyak projek konkrit, selain mengharapkan sokongan Thailand dalam Bio-Tech Brunei dan Persidangan Makanan pada Mei ini.

Sebagai salah satu ahli pengasas ASEAN, titah baginda, Thailand telah menyaksikan pertumbuhan organisasi tersebut dari awal lagi.

Tahun ini, titah baginda, merupakan tahun yang bermakna bagi kita semua dan mengekalkan momentum yang telah dibina ketika menghampiri Komuniti ASEAN 2015.

Adalah penting, tegas baginda, untuk melipatgandakan usaha dalam mencapai matlamat yang kita telah ditetapkan di bawah tanggung ekonomi, sosiobudaya dan politik-keselamatan ASEAN.

"Beta berharap untuk bekerja rapat dengan TYT dan Kerajaan Thailand, dan yakin bahawa usaha kita akan berjaya dalam mewujudkan Komuniti ASEAN yang padu dan berdaya tahan," titah baginda seterusnya.

Terdahulu, baginda juga mengharapkan semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumipol dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Sirikit serta ahli-ahli keluarga diraja Thailand sentiasa maju jaya menikmati kesihatan dan kebahagiaan berpanjangan.

Baginda juga sangat berbesar hati di atas lawatan TYT serta rombongan ke negara ini.

## Perutusan takziah berikutan nahas penerbangan Germanwings 4U9525

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Felipe VI, Raja Sepanyol dan Canselor Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Angela Merkel berikutan dengan nahas penerbangan Germanwings 4U9525 yang terhempas di Perancis baru-baru ini.

Di dalam titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Felipe VI, baginda sangat sedih mengetahui tentang kehilangan jiwa akibat nahas penerbangan yang terhempas itu, dan seterusnya baginda bagi pihak kerajaan baginda serta rakyat Negara Brunei Darussalam merakamkan ucapan takziah yang amat mendalam kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Felipe VI, kerajaan dan rakyat Sepanyol, terutamanya keluarga mangsa-mangsa nahas tersebut.

Sementara itu, dalam perutusan Kebawah DYMM kepada Puan Yang Terutama Angela Merkel, baginda amat terkejut apabila mengetahui tentang kehilangan jiwa rakyat-rakyat Jerman akibat nahas itu.

Kerajaan baginda serta rakyat Negara Brunei Darussalam turut bersama baginda dalam menzahirkan ucapan takziah yang amat mendalam kepada PYT, kerajaan serta rakyat Republik Persekutuan Jerman, terutamanya kepada keluarga mangsa-mangsa musibah tersebut.

## PM Thailand tamatkan lawatan rasmi



PERDANA Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha melintasi kawalan statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). - Foto : Ampuan Haji Mahmud

Oleh : Nooratini Haji Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Mac. - Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri, Profesor Madya Naraporn Chan-o-cha berserta rombongan berlepas meninggalkan negara ini setelah menamatkan Lawatan Rasmi selama dua hari.

Sejurus sebelum menaiki pesawat, Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-o-cha dan isteri melintasi kawalan statik terdiri daripada

anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, selaku Menteri Pengiring.

Juga hadir di LTAB ialah Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah dan Pemangku Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam.

## TINGKATKAN KEWASPADAAN SEMASA MUSIM CUTI PENGGAL PERSEKOLAHAN

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.